

BAB 2

INSTITUSI DAKWAH DI BRITAIN

2.1 Pendahuluan

Insitusi-institusi dakwah di Britain tertubuh hasil kesedaran masyarakat Islam untuk mempertahankan identiti Islam dan menghadapi cabaran nilai-nilai Barat. Organisasi-organisasi Islam tersebut ada di antaranya bergerak dalam bidang pendidikan, kebajikan, politik, ekonomi, penerbitan dan lain-lain. Ada pula organisasi bersifat lokal dan ada pula organisasi bersifat pusat, malah ada yang bersifat etnik. Kajian ini hanya memilih sembilan institusi dakwah di Britain yang dianggap boleh mewakili aspirasi lain-lain organisasi. Bab ini akan menyentuh latar belakang, matlamat dan program institusi-institusi dakwah di Britain. Analisis terhadap kekuatan dan kelemahan organisasi Islam akan dibincang dalam bahagian akhir bab ini.

2.2 Definisi Institusi Dakwah

Sebelum membincangkan peranan institusi-institusi dakwah, kajian ini terlebih dahulu cuba menjelaskan definisi institusi dakwah.

Institusi menurut *Kamus Dewan* ialah badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan tertentu termasuklah institusi agama¹. Definisi ini adalah relevan dengan semangat kerja berorganisasi di dalam Islam di mana terdapat galakan sama ada di dalam al-Qur'an mahupun Sunah Rasul yang menggalakkan umat Islam bekerja secara kolektif atau organisasi.

Dalil al-Qur'an menegaskan keperluan gerak kerja secara berorganisasi di dalam dakwah². Contohnya ialah, firman Allah:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلْتَبْرُكَ هُنْمَ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

“Dan Hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”

Terjemahan Surah al-Imrān (3):104.

Sayyid Qutb dalam tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* mentafsir ayat ini dengan menyatakan bahawa kerja-kerja menyeru kebaikan, *amar makruf* dan *nahi mungkar* mestilah melalui *jamā'ah* atau kerja secara berinstansi³.

¹ *Kamus Dewan* (1994). Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka. h.494.

² Dakwah ialah usaha menyeru kepada kebaikan, *amar makruf* dan *nahi mungkar*. (Lihat misalnya perbincangan tentang definisi dakwah oleh Ali Mahfuz (t.t), *Hidayah al-Mursyidin*, Bayrūt: Dār al-Ma'rīfah, h.2.

³ Sayyid Qutb (1982). *Fi Zilal al-Qur'an*. Jil.1.h.444.

Hadith Rasulullah turut menjelaskan tentang konsep dan kepentingan bekerja secara kolektif atau berorganisasi ini. Antaranya ialah sabda Rasulullah:

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ عَنْهُمَا سَعَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيْلَ مَنْ رَأَى
أَمْرًا: شَيْءٌ يَعْرُجُهُ فَلَا يَعْبُدُهُ فَإِنَّمَّا فَارَقَ الْجَمَاعَةَ شِتْرًا فَمَاتَ إِلَّا مَاتَ مِيتَةً
جَاهِلِيَّةً

Maksudnya:

“Dari Ibnu Abbas r.a dari Nabi s.a.w beliau bersabda: “Siapa yang melihat satu tindakan pembesar yang tidak disukainya, hendaklah dia bersabar kerana sesiapa yang memisahkan dirinya dari jamaah walaupun sejengkal, nescaya dia mati dalam keadaan jahiliah”⁴”

Di dalam sebuah hadith yang lain baginda juga ada menyatakan tentang hal ini:

عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الظُّبُرُ مِنَ الْفَارِصَةِ

Maksudnya:

“Hendaklah kamu berjamaah kerana sesungguhnya serigala akan memakan orang yang terpisah dari kumpulannya”⁵”

Berdasarkan konsep yang dikemukakan al-Qur'an dan hadith Rasulullah tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa maksud dengan institusi dakwah dalam konteks kajian ini ialah sebarang institusi yang ditubuhkan dan bergerak dalam konteks merealisasikan agenda dakwah berdasarkan semangat al-Qur'an dan al-Hadith.

⁴Al-Bukhari (1990), *Sahih al-Bukhari*, Bab al-Fitan, hadith no.1858. H.Zainuddin Hamidy et al (terj.), jil.4. Klang: Klang Book Centre, h.125.

⁵Abi Dawud Sulayman (t.t.), *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Solat, Bab Fi al-Tasyid Fi Tarki al-Jama'ah, hadith no.547.

2.3 Latar belakang Institusi Dakwah di Britain

Di peringkat awal kedatangan masyarakat Islam ke Britain, usaha-usaha lebih ditumpu kepada soal-soal mencari nafkah hidup. Sebagai imigran mereka terpaksa bekerja sebagai buruh dalam pelbagai sektor pekerjaan untuk menampung keperluan hidup mereka dan keluarga. Keperluan dan kepentingan terhadap organisasi di peringkat awal tersebut masih belum begitu dirasai dan belum begitu mendesak. Perkembangan jumlah orang-orang Islam yang meningkat secara mendadak bermula pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an telah mendorong kepada penubuhan organisasi-organisasi Islam. Organisasi-organisasi ini bertindak dan bergerak sebagai wadah yang memperjuang nasib dan mempertahan identiti umat Islam dan Islam di Britain.

Tinjauan sejarah mendapati institusi dakwah telahpun wujud sejak akhir abad ke-19 lagi. Institusi-institusi ini bagaimanapun digerakkan oleh golongan terpelajar dan profesional atau kelas menengah. Kajian-kajian yang dilakukan mendapati bahawa perkembangan dakwah dan institusi dakwah di peringkat awal Britain adalah ditunjangi oleh masjid⁶. Sebagai contoh ialah Masjid Woking yang dibina yang diasaskan oleh Dr. Leitner pada tahun 1889. Beliau adalah bekas pendaftar Universiti Punjab. Masjid yang ditubuhkan bukan sahaja berperanan memenuhi keperluan agama tetapi juga keperluan sosial masyarakat Islam⁷. Pada

⁶Lihat M.M.Aly (1981), "History of Muslims in Britain 1850-1980". (Tesis M.A. University Birmingham), h.147 dan Mahmud al-Rashid (1995). *Islam: A Vision for Britain*. Leicester: Islamic Society of Britain. h.33.

⁷M.A.Khan (1979), "Islam and Muslims in Liverpool" (Tesis M.Phil. University of Liverpool), h.44. M.M.Aly mengkaji dengan agak terperinci mengenai sejarah dan perkembangan masjid di Britain (Lihat M.M Ally (1981), *op.cit.*).

tahun 1891, Liverpool Mosque and Institute ditubuhkan. Woking Muslim Mission yang wujud pada tahun 1913 adalah hasil kegiatan dakwah Masjid Woking. Kemudiannya muncul lagi organisasi-organisasi Islam seperti Muslim Literary Society (1916) yang diasaskan oleh Maulana Abdullah Yusuf Ali⁸.

Pada tahun 1960-an lebih banyak institusi dakwah ditubuhkan seiring dengan pertambahan jumlah penduduk Islam di Britain. Pada tahun-tahun tersebut telah wujud beberapa organisasi Islam yang menggerakkan kegiatan dakwah seperti UK Islamic Mission (1962), The Federation of Students Islamic Society (FOSIS, 1962) dan Muslim Educational Trust (1966). Pada tahun-tahun 1970-an wujud beberapa lagi pertubuhan dakwah seperti The Islamic Foundation (1973), The Islamic council of Europe (1973) dan Dawatul Islam (1978). Perkembangan kegiatan Islam semakin rancak dengan lebih banyak lagi organisasi dakwah Islamiah ditubuhkan pada tahun-tahun 1980-an dan 1990-an. Menurut kajian yang dilakukan oleh pengkaji dari Universiti Derby, terdapat 147 organisasi Islam di Britain⁹. Ini tidak termasuk masjid. Bagaimanapun jika jumlah masjid dan lain-lain organisasi bersifat etnik diambil kira, maka jumlah semua organisasi Islam yang ada ialah kira-kira 950 buah¹⁰.

⁸M.M Ally (1981), *loc.cit.*

⁹Eileen Fry et.al (1997). "Religions in the UK", dalam Paul Weller, *A Multi-Faith Directory* (ed.). Derby: University of Derby & The Inter-Faith Network for The United Kingdom. h.464.

¹⁰Steven Vertovec (1996). "Muslims, the State, and the Public Sphere in Britain", dalam Gerd Nonneman et.al, *Muslim Communities in the New Europe*. Berkshire:Garnet Publishing Ltd, 175.

2.4 Matlamat Umum Institusi Dakwah di Britain

Kajian-kajian telah dilakukan berhubung matlamat dan keperluan terhadap penubuhan institusi Islam di Britain. Manazir Ahsan antaranya berpandangan bahawa faktor yang mendorong penubuhan institusi dakwah di Britain adalah berkait dengan survival Islam dan masyarakat Islam. Menurut Manazir orang Islam yang mana pada permulaannya mereka hanya menetap untuk sementara waktu sahaja. Apabila mereka tinggal menetap dan kekal di Britain kemudiannya dengan membawa isteri dan anak-anak, maka masyarakat Islam berpandangan adalah wajar diwujudkan institusi Islam bagi menjaga nilai dan budaya agama Islam¹¹.

Pandangan Manazir ini telah disokong oleh Daniele Joly yang berpandangan bahawa institusi dakwah ditubuhkan untuk memelihara agama dan menuntut supaya status agama mereka diiktiraf. Ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut¹²:

“... the Muslims rebuilt their religious institutions and increasingly felt that their religious status and rights ought to be recognized. in order to preserve their religion and culture in a minority situation”

Menurut kajian yang dilakukan Mumtaz Ali pula, institusi-institusi dakwah di Britain ditubuhkan kerana beberapa matlamat, iaitu¹³:

¹¹Manazir Ahsan (1994). “Islam and Muslims in Britain”, dalam Hussin Mutalib et al (ed), *Muslims and The Modern State*. London: Macmillan Press Ltd., h.341-342.

¹²Daniele Joly (1988). “Making a Place for Islam in a British Society: Muslims in Birmingham”, dalam Thomas Gerholm & Yngve Georg Lithman (ed). *The New Islamic Presence in Western Europe*. London: Mansell Publishing Ltd., h.32.

¹³Muhammad Mumtaz Ali (1996). *The Muslim Community in Britain*. Petaling Jaya: Peladuk Publications. h.61.

1. Memenuhi keperluan pendidikan orang-orang Islam
2. Meningkatkan kesedaran tentang keistimewaan dan keagungan Islam
3. Memelihara dan menjaga identiti budaya orang-orang Islam
4. Memberi kesedaran bahawa orang-orang Islam adalah satu umat meskipun berbeza warna kulit dan latar belakang bahasa dan etnik. Mereka bertanggung jawab terhadap misi universal Islam kepada semua manusia.

Kajian Nielsen mendapati bahawa institusi Islam ditubuhkan antara lain ialah untuk memenuhi keperluan sosial dan agama masyarakat Islam¹⁴. Ali Kose menambah bahawa kewujudan institusi Islam bertujuan menangani masalah berkaitan pendidikan, masalah perkauman, pekerjaan dan kepimpinan¹⁵. Dahya dalam *The Journal of Institute of Race Relations* dengan artikel bertajuk "Pakistani in Britain: Transients or Settlers?" turut berkongsi pandangan dengan Nielsen dan Ali Kose mengenai objektif institusi Islam di Britain¹⁶.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa matlamat penubuhan institusi Islam di Britain bertujuan memenuhi keperluan agama, pendidikan, sosial dan dakwah.

Matlamat-matlamat tersebut akan dapat difahami dengan mengkaji latar belakang penubuhan dan peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi Islam di

¹⁴Nielsen (1995). *Muslims in Western Europe*. Edinburgh: Edinburgh University Press. h.44.

¹⁵Ali Kose (1996), *Conversion to Islam*. London: Kegan Paul International. h.8-9.

¹⁶B.Dahya (1973), "Pakistani in Britain: Transients or Settlers?" *The Journal of Institute of Race Relations*, 3, h.241.

Britain. Sehubungan dengan itu, bahagian ini cuba melihat peranan beberapa institusi Islam dalam melaksanakan dakwah melalui pelbagai program di Britain. Penyusunan yang dibuat bagi membincangkan peranan institusi Islam ini adalah berdasarkan tahun penubuhan, iaitu bermula dengan institusi yang lebih awal ditubuhkan. Kajian ini hanya memilih sembilan buah organisasi sebagai sampel kajian. Pemilihan ini dikira boleh mewakili lain-lain organisasi dalam konteks penyebaran dakwah di Britain.

2.5 Islamic Cultural Centre(ICC) and The London Central Mosque

2.5.1 Pendahuluan

Nama penuh bagi pertubuhan ini ialah Islamic Cultural Centre and The London Central Mosque. Gabungan nama ini memperlihatkan fungsi integrasi institusi ini sebagai pusat ibadat dan pusat sosial dan kebudayaan. ICC ditubuhkan pada tahun 1944 dan dirasmikan penubuhannya oleh King George VI pada 21 November 1944¹⁷. Pembinaan bangunan masjid pula siap sepenuhnya pada tahun 1977.

2.5.2 Latarbelakang Penubuhan Islamic Cultural Centre

Projek penubuhan ICC boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu penubuhan ICC dan pembinaan Central Mosque. Penubuhan institusi ini berkait dengan dua faktor. Pertamanya, idea Lord Headley dari Masjid Woking pada awal abad ke-20 yang menyatakan hasrat melihat sebuah pusat Islam. Bagaimanapun idea tersebut

¹⁷ *Impact International*, 9-22 April 1976, h.46.

tenggelam begitu sahaja dengan kematian beliau. Idea beliau ini ditimbulkan semula oleh Sheikh Hafez Wahba (beliau adalah bekas duta Arab Saudi di Britain pada tahun 1920-an) pada tahun 1940-an. Kedua, peningkatan jumlah komuniti Muslim menjadi faktor terpenting yang mendorong kepada kewujudan sebuah pusat yang boleh menyatukan umat Islam di Britain¹⁸. Kedua faktor tersebut menjadi asas yang kuat kepada tertubuhnya ICC.

Peringkat kedua melibatkan fungsi lebih besar ICC iaitu pembinaan Central Mosque. Projek pembinaan Central Mosque bermula pada tahun 1974 dan siap pada tahun 1977 dengan kos pembinaan berjumlah 4.4 juta pound sterling. Dengan siapnya Central Mosque, fungsi Islamic Cultural Centre yang telah wujud sejak 1944 lagi menjadi lebih besar dan mencabar¹⁹.

2.5.3 Objektif Penubuhan

Menurut Abdullah Muhammad Abdou, Pegawai Pendidikan The Islamic Cultural Centre objektif di sebalik penubuhan Islamic Cultural Centre ialah²⁰:

1. Pendidikan: Agenda pendidikan menurut Muhammad Abdou sangat penting dalam melahirkan generasi Muslim yang mampu menghadapi cabaran persekitaran dan masyarakat yang serba secular.

¹⁸M.M Ally (1981), h.157.

¹⁹New Community, Vol.7, no.1 &2, 1977/78, h.5.

²⁰Abdullah Muhammad Abdou, 6 Julai 2000. tembusual.

2. Dakwah: Agenda dakwah Islamic Cultural Centre dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, dakwah di kalangan orang-orang Islam dengan membetulkan aqidah mereka. Kedua, terhadap non-Muslim. Ia dilakukan melalui usaha memperlihatkan imej Islam yang tulin dengan harapan dapat menarik perhatian dan minat mereka untuk menerima Islam dan meminimakan imej negatif mereka terhadap Islam.

Selain daripada matlamat yang dinyatakan Muhammad Abdou tersebut, ICC menurut Penelope Johnstone juga mempunyai matlamat memupuk kesatuan di kalangan orang-orang Islam dan mewakili pandangan serta kepentingan Islam²¹. Bertitik tolak dari pada objektif yang dinyatakan tersebut, ICC telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dalam langkah mendidik masyarakat melalui pendekatan dakwah.

2.5.4 Program yang dilaksanakan

Program-program yang dilaksanakan oleh Islamic Cultural Centre untuk memelihara, memupuk, memperkembang dan mempertahankan nilai-nilai Islam di Britain ialah²²:

1) Pendidikan:

Hasrat melahirkan generasi berilmu dan beriman telah dilaksanakan oleh Islamic Cultural Centre melalui aktiviti-aktiviti berikut:

²¹Lihat Penelope Johnstone (1981), *Islamochristiana*. loc. cit. & Booklet ICC.

²²Buku Pengenalan Islamic Cultural Centre.

1. Kelas-kelas pengajian terhadap golongan kanak-kanak dan dewasa mengenai ilmu-ilmu Islam seperti al-Qur'an, hadith, sirah dan tamadun Islam. Program membaca dan mengingati al-Qur'an juga diadakan dalam bentuk *halaqah* bagi meningkatkan keupayaan membaca dan mengingati ayat-ayat al-Qur'an. Kelas-kelas pengajian al-Qur'an diadakan pada malam selasa. Melalui kajian ini, didapati kelas pengajian al-Qur'an dilaksanakan secara guru membaca dan murid mengikutnya. Kelas ini dibuka kepada umum. Sementara itu, bagi kelas kanak-kanak pula (kelas fardu ain dan asas bacaan al-Qur'an), tumpuan diberikan kepada kanak-kanak berumur 3-5 tahun. Kini ada seramai 20 orang murid yang mengikuti kelas ini²³. Melalui satu temubual menggunakan kaedah 'opportunistic sampling' terhadap sepuluh orang kanak-kanak yang mengikuti kelas ini mendapati ia telah membantu mereka memahami perkara asas Islam seperti rukun iman dan Islam dan menguasai asas bacaan al-Qur'an.
2. Mengadakan pertandingan membaca al-Qur'an secara tahunan dan mengadakan pertandingan esei tahunan melibatkan pelajar²⁴.
3. Mengadakan program ceramah umum dengan menjemput penceramah-penceramah terkenal dari dalam maupun luar negeri. Ceramah-ceramah juga diadakan pada bulan Ramadan. Tajuk-tajuk ceramah Ramadan antaranya ialah *How The Muslim Receive the Month of Ramadan* oleh Dr. Abdul Halim Mohamed²⁵.

²³ Pamlet London Central Mosque & Islamic Cultural Centre.

²⁴ Booklet ICC, loc.cit.

²⁵ London Central Mosque & Islamic Cultural Centre Newsletter, Februari 1995, Issue no.73, h.4.

- 2) ICC juga berperanan sebagai pusat rujukan dalam masalah fatwa berhubung isu-isu berkaitan kehidupan umat Islam seperti nikah, cerai, talak dan sebagainya.
- 3) Dakwah dan Kebajikan Sosial: Berhubung dengan dakwah dan kebajikan sosial, Islamic Cultural Centre telah mengambil beberapa langkah dalam usaha membantu masyarakat, antaranya ialah:
1. Memberikan bimbingan terhadap saudara baru agar memahami asas-asas Islam²⁶.
 2. Mewujudkan tabung untuk mengutip derma bagi membantu komuniti Islam di seluruh dunia yang menderita sama ada akibat bencana alam atau mangsa perang²⁷.
 3. Berperanan sebagai pusat mengumpul dan mengagihkan zakat di kalangan orang yang memerlukan²⁸.
 4. Kakitangan Islamic Cultural Centre menyertai pelbagai persidangan dan memberi syarahan kepada sama ada organisasi Islam dan organisasi bukan Islam²⁹.
 5. Mengadakan program ziarah ke hospital-hospital dan penjara dilakukan. Menurut pegawai pendidikan ICC, Muhammad Abdou, program ziarah ini diwujudkan sebagai tanda prihatin organisasi ini terhadap kebajikan pesakit dan banduan³⁰.

²⁶ Booklet ICC (t.t), *loc.cit.*

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Abdullah (2000), *loc.cit.*

6. ICC turut menerbitkan bahan-bahan bertulis untuk memberikan kefahaman Islam kepada masyarakat. Antara bentuk penerbitan yang dihasilkan ICC ialah buku, jurnal, buletin dan pamphlet. Jurnal *Islamic Quarterly* misalnya memuatkan pelbagai isu Islam seperti pendidikan, aqidah, akhlak, tasawwuf, syariah dan lain-lain. Contoh artikel dalam *Islamic Quarterly* ialah *The Institution of Hisbah and Its Impact on The Health Sciences from the Seventh to The Thirteenth Century CE* oleh Dr Muhammad Ibrahim H.I Surty. Artikel ini menyentuh tentang peranan dan kesan institusi hisbah kepada sains Kesihatan.

Pengamal perubatan menurut artikel ini perlu bersikap adil terhadap pesakit tanpa mengira bangsa, warna kulit, hubungan darah, kedudukan mahupun agama³¹. ICC juga mengadarkan pamphlet-pamphlet dan risalah kepada masyarakat Muslim dan Non-Muslim secara percuma yang bertujuan memberi kefahaman tentang Islam kepada masyarakat seperti *Human Rights in Islam*³².

7. ICC juga mengadakan rundingan dengan pihak berkuasa agar makanan halal disediakan dipenjara dan menggesa pihak berkuasa membenarkan banduan menunaikan solat jumaat³³. Hasilnya, pihak berkuasa British telah meminta kerjasama dan bantuan ICC melaksanakan program kerohanian bagi banduan Islam di penjara³⁴.

³¹Muhammad Ibrahim H.I Surty (1999). *The Institution of Hisbah and Its Impact on The Health Sciences From The Seventh to The Thirteenth Century CE*. Jurnal *Islamic Quarterly*, Vol XLIII, no.1, h.7.

³²Pamphlet bertajuk *Human Rights in Islam*

³³*The Daily Telegraph*, 30 Disember 1998.

³⁴N.U.I Bose & F.M Bhatti (1997), "Care and Rehabilitation of Prisoners in The Muslim Community in Britain", *Journal of Minority Affairs*, Vol.17, no.1, h.184-85.

Secara umumnya, ICC telah melaksanakan program yang selaras dengan objektif penubuhan dan fungsinya sebagai pusat dakwah dan pendidikan. Program-program seperti kelas pengajian dewasa dan kanak-kanak, majlis syarahan ilmu, lawatan ke penjara dan hospital, usaha dalam bidang penerbitan seperti jurnal *Islamic Quarterly* adalah bertujuan merealisasikan matlamat tersebut. Namun demikian, ICC kelihatan didominasi oleh orang-orang berketurunan Arab Mesir seolah-olah wujud unsur *politicking* dalam ICC. Ini disokong umpamanya oleh Muhammad Raza di dalam bukunya *Islam in Britain: Past, Present and Future*.

2.5.5 Kesimpulan

Semenjak penubuhannya, Islamic Cultural Centre telah melaksakan program-program ke arah merealisasikan objektifnya. Program-program pendidikan seperti kelas-kelas pengajian kanak-kanak dan dewasa serta program dakwah dan kebajikan seperti menyertai seminar dan bengkel dengan tujuan menyampaikan mesej Islam kepada non-Muslim dan lawatan-lawatan ke penjara dan hospital menunjukkan keprihatinan pihak Islamic Cultural Centre mencapai matlamat yang digariskan. Kritikan, komen, pandangan serta persekitaran yang wujud dianggap pendorong kepada pihak Islamic Cultural Centre bergerak lebih aktif melaksanakan agenda mewujudkan persekitaran yang Islamik.

2.6 The UK Islamic Mission (UKIM)

2.6.1 Pendahuluan

The UK Islamic Mission (UKIM) ditubuhkan pada tahun 1962³⁵. UKIM diketuai oleh seorang Presiden yang bertindak selaku ketua eksekutif. Beliau dipilih oleh ahli-ahli melalui pengundian secara rahsia³⁶. Dalam menggerakkan organisasi ini, presiden dibantu 10 ahli majlis syura yang dipilih oleh ahli dalam mesyuarat agung yang diadakan dua tahun sekali. Polisi dan perancangan UKIM ditentukan oleh sebuah badan yang dikenali dengan nama Majlis Eksekutif Pusat (The Central Executive Council). UKIM membahagikan ahlinya kepada tiga kategori iaitu³⁷:

1. Ahli: Mereka yang patuh sepenuhnya kepada disiplin UKIM.
2. Ahli Bersekutu: Mereka yang menerima idea-idea UKIM dan bekerjasama dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan UKIM.
3. Orang-orang yang bersimpati dengan perjuangan UKIM (sympathisers).

UKIM mempunyai cawangan di beberapa tempat Britain. Antara cawangan-cawangan yang ditubuhkan UKIM ialah di Birmingham, Burnely, Hull, Leeds, Cardiff, Glasgow, Leicester, Manchester, Liverpool, Luton dan Southampton. Cawangan-cawangan ini berperanan menggerakkan aktiviti-aktiviti UKIM di kawasan masing-masing dengan pelbagai program dakwah dan pendidikan. Program atau aktiviti UKIM akan dijelaskan dalam bahagian 2.2.4.

³⁵ *The U.K. Islamic Mission: An Introduction*, h.4.

³⁶ The U.K. Islamic Mission (t.t), *op.cit.*, h.3.

³⁷ *Ibid.*

2.6.2 Latarbelakang Penubuhan

Penubuhan UKIM diusahakan oleh sekumpulan imigran Islam keturunan Pakistan. Pertubuhan ini dikatakan ditubuhkan oleh orang-orang yang ada kaitan dengan Jamaat Islami ataupun terpengaruh dengan idea-idea Maududi (1903-1979M) ke arah pembentukan negara Islam³⁸. Anggapan ini bagaimanapun dinafikan oleh pendokong-pendokong pertubuhan ini. Menurut salah seorang pemimpin UKIM, Tanzim Wasti, pengaruh Maududi terhadap ahli UKIM memang mendalam terutamanya gagasan beliau tentang negara Islam. Bagaimanapun menurut beliau, dalam konteks negara Britain yang berbeza situasinya, idea-idea Maududi perlu dinilai semula supaya sesuai dengan keperluan dan situasi semasa. Beliau berhujah³⁹:

"His work is now fifty years old. He is not alive... Maulana Mawdudi's time was basically when it was the colonial era... I think that his early work is more strong which gives the inspiration, and I think from that point of view there is a need for rethinking and reprogramming the Muslim ummah... I think that now on his thoughts you have many institutions, you have many organisations working but the times have changed, the factors are changing very fast, and maybe his programmes will not be so relevant for the future"

³⁸Jorgen Nielsen menanggap organisasi ini ditubuhkan oleh Jamaat Islami untuk tujuan tertentu (Lihat Nielsen. 1989. *Islamic Communities in Britain. Religion, State & Society in Modern Britain*. Badham Paul (ed). The Edwin Mellin Press. h. 232.

³⁹Ron Geaves (1996). *Secretarian Influences Within Islam in Britain*. Leeds: University of Leeds. h.201.

2.6.3 Objektif UKIM

Objektif penuhanan UKIM ialah seperti berikut⁴⁰:

1. Menterjemah dan memperkenal cara hidup Islam sebagaimana yang digariskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah
2. Mempererat ikatan persaudaraan di kalangan komuniti Muslim
3. Menolong orang-orang Islam di Britain dalam mempertahankan, memelihara serta memupuk identiti Islam
4. Mewujudkan tatacara hidup mengikut Islam yang mengajar kesejahteraan, kesamaan, persaudaraan dan keadilan sosial tanpa mengira warna kulit, bangsa dan bahasa
5. Memupuk dan menggalak semangat saling menghargai dalam hubungan di antara Muslim dengan Non-muslim
6. Merangsang pemikiran dan tindakan secara Islam di Britain
7. Mewujudkan penyelarasan aktiviti-aktiviti UKIM dengan lain-lain pertubuhan yang bekerja untuk kepentingan Islam.

Di dalam Laporan Tahunan UKIM ke-38 menyatakan bahawa matlamat UKIM ialah memupuk cara hidup Islam di Britain sebagai satu cara untuk mendapat keredaan Allah⁴¹. Cara hidup ini menurut Nielsen perlu dicorakkan dalam semua aspek kehidupan manusia⁴².

⁴⁰ *The U.K.Islamic Mission: An Introduction*. London: UKIM. h.3.

⁴¹ *Laporan Tahunan UKIM ke-38*. 1 Julai 2000 – 30 Jun 2001. h.1.

⁴² Nielsen (1995), United Kingdom Islamic Mission, dalam John L. Esposito *The Oxford Encyclopedia of Modern Islamic World*, vol.4. New York: Oxford University Press. h.273.

Objektif UKIM ini cuba menjelaskan peranannya dalam menyebarkan mesej Islam sebagai agama yang mengandungi dan menganjurkan nilai-nilai persaudaraan, kesamaan sosial, keadilan, kesejahteraan, memupuk semangat intelektual, kerjasama dan toleransi. Ia juga selaras dengan matlamat yang dinyatakan oleh presidennya, iaitu Muhammad Afzal yang menyatakan bahawa tujuan akhir UKIM adalah membawa manusia tunduk kepada perintah-perintah Allah⁴³. Matlamat dan nilai-nilai ini yang cuba ditonjolkan oleh UKIM dapat dilihat dalam program-program yang dilaksanakan.

2.6.4 Program yang dilaksanakan

UKIM berusaha agar Islam diterima dan dihayati oleh masyarakat sebagai satu cara hidup. Inisiatif ini dapat dilihat kepada program-program yang dilaksanakan UKIM seperti berikut:

1) Program Dakwah dan Pendidikan

Program dakwah dan pendidikan UKIM kebanyakannya digerakkan oleh 28 buah masjid UKIM yang terdapat di Britain⁴⁴. Masjid-masjid UKIM menjadi pusat orang-orang Islam bersembahyang tanpa mengira kaum, warna kulit, bangsa dan keturunan. Kuliah-kuliah agama dianjurkan di masjid-masjid untuk memberi kefahaman kepada orang ramai tentang Islam. Selain daripada itu, UKIM juga menjemput khatib-khatib jemputan (para ulama) untuk menyampaikan khutbah jumaat di masjid-masjid yang dimiliki UKIM⁴⁵.

⁴³ Muhammad Afzal, Presiden UKIM, temubual, 27 Mei 2002. (lihat juga Gilles Kepel (t.t.), *Allah in The West*, h.131-32).

⁴⁴The U.K.Islamic Mission, 36th Annual Report, h.2.

⁴⁵*Ibid.*

Sebagai contoh, UKIM mengadakan kuliah hadith di Central Mosque, Birmingham pada setiap petang selasa dan jumaat⁴⁶.

UKIM, dalam usaha melahirkan generasi yang mempunyai sahsiah dan kefahaman Islam yang jelas turut menganjurkan kelas petang dan kelas hujung minggu untuk kaum wanita dan pemuda. Kelas-kelas al-Qur'an sama ada kelas menghafal al-Qur'an atau tajwid al-Qur'an disediakan untuk golongan tersebut⁴⁷.

Pendidikan untuk generasi kini menjadi satu agenda yang sangat penting bagi komuniti Islam di Britain. Menyedari hakikat ini, UKIM mengambil inisiatif menyediakan pendidikan Islam untuk kanak-kanak Islam yang selaras dengan kurikulum pendidikan Islam di peringkat nasional.

Perjalanan pengurusan pendidikan Islam kanak-kanak ini diselia oleh sebuah jawatan kuasa yang diwujudkan oleh UKIM iaitu Jawatankuasa Pendidikan Pusat (Central Education Committee) yang ditubuhkan pada tahun 1980. Jawatankuasa ini berperanan menyediakan kurikulum dan mengurus perjalanan sekolah petang dan hujung minggu kanak-kanak Islam. Pendidikan kanak-kanak kini menjadi aktiviti penting UKIM. Ia menyediakan asas-asas ajaran Islam kepada kanak-kanak⁴⁸.

⁴⁶ Pemerhatian ikut serta. Kuliah Hadith bertajuk *The Abridged Hadith*. Central Mosque. Birmingham. 14 Jun 2002.

⁴⁷ *The U.K. Islamic Mission, op.cit. h.2.*

⁴⁸ Nielsen, *loc.cit.*

Selain daripada menawarkan kelas kanak-kanak, kelas al-Qur'an untuk orang-orang dewasa juga disediakan oleh UKIM ke arah melahirkan generasi cekik al-Qur'an. Untuk itu, imam-imam dan ulama dihantar setiap minggu untuk mengendalikan kelas-kelas tersebut di cawangan-cawangan UKIM. Jadual 2 di bawah menerangkan bilangan sekolah petang dan hujung minggu, bilangan pelajar yang menghadiri kelas serta bilangan guru UKIM.

Jadual 2: Kelas petang & hujung minggu UKIM⁴⁹

Perkara	Jumlah
Kelas petang & hujung minggu	55 kelas
Kanak-kanak menghadiri kelas petang & hujung minggu	5950 orang
Kanak-kanak menghadiri kelas hafaz al-Quran	60 rang
Guru	200 orang

Sumber: Berdasarkan Laporan Tahunan UKIM ke-38

UKIM juga mengambil inisiatif menjalankan dakwah terhadap golongan Non-Muslim. Dakwah terhadap golongan ini menjadi salah satu agenda yang diberi penekanan oleh UKIM. Oleh itu, UKIM telah melaksanakan beberapa aktiviti dan pendekatan dalam dakwah terhadap Non-Muslim. Mengikut Laporan tahunan ke-36 UKIM, program-program atau langkah yang dilaksanakan untuk memberi penjelasan tentang Islam terhadap non-Muslim ialah⁵⁰:

⁴⁹The U.K.Islamic Mission, 38th Annual Report, h.10.

⁵⁰Ibid.,3.

1. Mengatur lawatan non-Muslim ke masjid-masjid UKIM. Program ini diadakan hampir setiap minggu. Lawatan golongan profesional Non-Muslim ke masjid penting agar mereka dapat membiasakan diri dengan orang-orang Islam dan mengetahui masalah mereka⁵¹.
2. Mengadakan program kesedaran Islam (Islam Awareness) terhadap orang-orang yang sering berhubung dengan orang-orang Islam dalam kerjaya mereka seperti pihak majlis tempatan, polis, pegawai penjara, jururawat dan lain-lain. Minggu kesedaran Islam diadakan setiap tahun sebagai salah satu usaha dakwah UKIM di kalangan Non-Muslim⁵².

Antara pengisian dalam program ini ialah sidang akhbar, wawancara dalam radio, ceramah tentang Islam diikuti dengan sesi soal-jawab. Buku-buku, risalah, dan akhbar keluaran khas tentang Minggu Kesedaran Islam turut diedarkan semasa program ini berjalan. Antara buku yang diterbit dan diedar oleh UKIM ialah *The New Millennium Through Muslim Eyes*, tulisan S.M Bleher. Buku ini membincangkan tentang abad baru mengikut perspektif Islam serta sikap Islam dalam menghadapi cabaran abad baru⁵³.

Usaha yang dilakukan ini bertujuan agar mesej Islam dapat disalurkan terhadap Non-Muslim dan juga agar pandangan salah mereka terhadap Islam dapat dihakis.

⁵¹Jorgen Nielsen (1992). *Muslims in Western Europe*. Edinburgh: Edinburgh University Press, h.46.

⁵²U.K.Islamic Mission Annual Report, *loc.cit.*

⁵³S.M Bleher (1999), *The New Millennium Through Muslim Eyes*. Birmingham: U.K.I.M Dawah Centre.

1) Latihan

UKIM melihat tarbiah atau latihan sebagai satu aset penting dalam rangka melahirkan ahli dan masyarakat berkualiti. Matlamat utama tarbiah UKIM ialah melahirkan orang-orang Islam yang kuat kepercayaannya terhadap Allah, percaya kepada Hari Kemudian, bermoral, berilmu. Dengan erti kata lain individu yang seimbang dalam aspek-aspek tersebut⁵⁴.

Program tarbiah UKIM menumpukan kepada usaha-usaha menyediakan ahli yang berkualiti. Usaha-usaha yang dilakukan melalui program latihan ialah:

1. Melatih ahli-ahlinya sebagai kader dakwah yang berkebolehan serta mempunyai komitmen yang tinggi dalam menyebarkan mesej Islam kepada masyarakat. Bagi mencapai matlamat ini setiap cawangan mengadakan pertemuan atau usrah mingguan. Pengisian dalam program latihan ini antaranya ialah mengkaji dan membincang al-Qur'an, al-hadith dan lain-lain bahan dalam bidang pengajian Islam⁵⁵. Selain pengisian ilmu dan isu semasa, ahli juga diberi latihan berkomunikasi secara berkesan. Ini kerana komunikasi tidak dapat dielakkan dalam menyampaikan mesej Islam kepada orang ramai.
2. Latihan-latihan ini juga ditumpukan terhadap golongan pemuda. Menyedari kepentingan golongan muda sebagai aset dakwah, UKIM telah menubuhkan Jabatan Pemuda (Youth Department). Program-program latihan meningkatkan kesedaran dan kefahaman Islam diberi dan digalakkan di

⁵⁴Zahid Parvez & Abdur Rashid Siddiqui (2001), *U.K Islamic Mission. Our Message, Our Invitation*. London: UKIM, h.14.

⁵⁵U.K Islamic Mission Annual Report, *loc.cit*.

kalangan pemuda. Malah mereka digalakkan mengelola sendiri program-program kepemudaan ke arah melahirkan masyarakat Islam yang hakiki. Program sehari yang biasanya diadakan sebulan sekali seperti khemah kerja yang mengandungi pengisian seperti ceramah, usrah dan qiamullail adalah termasuk dalam program latihan ini⁵⁶. UKIM juga menubuhkan satu skim yang diberi nama 3T (Training the Trainer). Matlamat skim ini ialah melatih pemuda tentang al-Qur'an, Hadith, Fiqh, Sirah, Sejarah, Gerakan Islam dan Pengurusan⁵⁷.

3) Kebajikan

Islam mengajar dan menggalakkan umatnya melakukan amal kebaikan (Surah al-Ma'idah(5):2). Dalam usaha menghayati dan merealisasikan semangat ini, UKIM mengatur dan melaksanakan usaha-usaha kebajikan seperti berikut:

1. Melawat pesakit-pesakit di hospital-hospital. Melalui lawatan-lawatan ini UKIM menolong para pesakit dengan menyediakan makanan halal dan memberi bimbingan melaksanakan solat ketika sakit⁵⁸.
2. Melawat banduan di penjara-penjara. Panduan atau bimbingan agama diberikan terhadap para banduan. Di samping itu, naskah-naskah al-Qur'an, kalendar Islam, buku-buku Islam dan pamphlet juga diedarkan. Makanan disediakan dalam keadaan tertentu. UKIM juga mengatur sembahyang jumaat dan hari raya untuk para banduan agar mereka berpeluang melaksanakan tanggung jawab sebagai seorang Muslim⁵⁹.

⁵⁶ *The U.K. Islamic Mission: An Introduction.*

⁵⁷ *U.K. Islamic Mission Annual Report, loc.cit.*

⁵⁸ *The U.K. Islamic Mission, 29th Annual Report.*

⁵⁹ *op.cit.*

3. Bantuan terhadap mangsa perperangan, banjir dan fakir miskin di negara-negara yang mengalami bencana tersebut. Bantuan untuk golongan yang memerlukan di Britain juga tidak dilupakan. Dalam tahun 1998-99 sebagai contoh, UKIM telah mengeluarkan jumlah wang sebanyak 27,043.08 pound sterling untuk mangsa banjir di Bangladesh dan 10.000 dolar US didermakan untuk anak-anak yatim di Macedonia. Satu unit pembedahan gigi juga dihantar ke Kosovo pada tahun tersebut⁶⁰.

Projek korban juga termasuk dalam agenda kebajikan UKIM. Pada tahun 1998-1999, nilai jumlah yang dilaksanakan oleh UKIM ialah 1,013,218 pound sterling dan di hantar ke pelbagai negara yang antaranya ialah Bosnia, Somalia, Kenya, Cechnya, Iraq, Afghanistan, India, Mynmar dan Bangladesh⁶¹.

4) Lain-lain Program

Selain program-program tersebut, UKIM juga melaksanakan beberapa program lain yang boleh membantu kepada perkembangan dan kemajuan dakwah. Program-program ini ialah⁶²:

1. Mewujudkan jalinan antarabangsa selaras dengan mesej Islam yang universal. Justeru itu, UKIM mengambil langkah menjalinkan hubungan dengan organisasi-organisasi dan institusi-institusi Islam serta personaliti dari seluruh dunia. Pegawai-pegawai UKIM dihantar melawat ke luar negara. Pada tahun 1999, UKIM menjadi tuan rumah kepada lebih dari

⁶⁰The U.K.Islamic Mission. 36th Annual Report. *loc.cit.*

⁶¹*Ibid.*, h.12.

⁶²*Ibid.*, h.9-10.

- 100 tokoh-tokoh dari dunia Islam. Antaranya ialah Qazi Husain Ahmad, Amir Jamaat Islami, Pakistan, Rao Akhtar,Pengarah Islamic Foundation Kenya. Tariq Askari. Denmark dan Prof.Javed. Arab Saudi.
2. Kedai-kedai buku Islam ditubuhkan oleh UKIM dengan tujuan dapat membantu kelangsungan organisasi ini melalui jualan-jualan buku Islam. video tape, kaset, sejadah, jam, minyak wangi dan kalendar. Melalui pemerhatian dalam kajian didapati antara tajuk-tajuk kaset yang terdapat di kedai UKIM ialah seperti *Women, Shariah and Islam* (Bahagian 1&2) dan *Mesenger of Allah*. Laporan tahun 1999 pula menunjukkan, UKIM telah berjaya menjual 12,000 naskah kalender yang diterbit dan dicetak sendiri oleh badan ini⁶³. Kedai-kedai buku UKIM terdapat di London, Birmingham, Luton, Leicester, Wolverhampton, Blackburn, Leeds, Bradford, Burnley, City of York, Hull, Keighley, Manchester, Oldham, Rochdale, Nelson dan Glasgow⁶⁴.
 3. Menawarkan khidmat nasihat undang-undang dan hal-ehwal perkahwinan. Untuk tujuan ini Biro Perkhidmatan undang-undang telah ditubuhkan pada tahun 1980 dan Biro Perkahwinan ditubuhkan pada tahun 1981⁶⁵.

Berdasarkan program-program yang dilaksanakan tersebut, dapatlah dibuat rumusan bahawa:

⁶³*Ibid.*, h.13.

⁶⁴*Ibid.*, h.12-13.

⁶⁵Nielsen (1995), *loc.cit.*

1. Usaha-usaha dakwah yang dilakukan UKIM adalah bersifat global dan meliputi kedua-dua sasaran dakwah iaitu masyarakat Muslim dan Non-Muslim.
2. UKIM telah berperanan memupuk nilai-nilai persaudaraan Islam sejagat selaras dengan objektif penubuhannya dengan menjemput tokoh-tokoh Islam dari dalam dan luar negeri ke program UKIM.
3. UKIM telah melaksanakan objektifnya untuk bekerjasama dengan lain-lain institusi Islam untuk kepentingan Islam.

2.6.5 Kesimpulan

Program-program yang telah dilaksanakan oleh UKIM tersebut adalah meliputi kedua-dua golongan, iaitu masyarakat Islam dan masyarakat Non-Muslim. Dengan lain perkataan, sasaran dakwah UKIM adalah meliputi kedua-dua masyarakat Muslim dan Non-Muslim.

2.7 Federation of Students Islamic Societies

2.7.1 Pendahuluan

Federation of Students Islamic Societies atau ringkasnya FOSIS adalah sebuah pertubuhan yang mewakili penuntut-penuntut Muslim di universiti di seluruh Britain. Ia ditubuhkan pada tahun 1962⁶⁶. Latarbelakang penubuhan, objektif dan program FOSIS adalah seperti berikut:

⁶⁶Pamflet FOSIS (t.t).

2.7.2 Latarbelakang Penubuhan

Jumlah pelajar luar negeri yang semakin meningkat di universiti-universiti di Britain serta pembentukan pelbagai persatuan pelajar Muslim di kampus-kampus memerlukan kepada usaha penyelarasan aktiviti dan kesatuan dalam bertindak. Atas aspirasi ini, wakil-wakil persatuan pelajar Muslim seluruh Britain telah mengadakan pertemuan di Birmingham pada tahun 1962 dan bersetuju menubuhkan sebuah badan induk di bawah nama Federation of Students Islamic Societies atau ringkasnya FOSIS⁶⁷. Kini FOSIS bertindak sebagai badan penyelaras bagi pertubuhan pelajar Islam di pelbagai institut pengajian tinggi di Britain.

2.7.3 Objektif Penubuhan FOSIS

Objektif penubuhan FOSIS seperti yang dicatatkan di dalam pambletnya ialah⁶⁸:

1. Menyatukan semua pertubuhan pelajar Islam di Britain di atas prinsip Islam.
2. Menggalakkan pembentukan persatuan Islam di kampus dan menyokong usaha-usaha yang sedang dilaksanakan
3. Memelihara dan memupuk kepentingan Islam dan pelajar-pelajar Islam
4. Meneraju kerja-kerja dakwah di kampus-kampus dan menyambung kerja-kerja dakwah di dalam masyarakat
5. Mengajak pelajar lain-lain agama agar memahami Islam sebagai cara hidup yang sempurna, seimbang dan komprehensif.

⁶⁷Manazir (1994), *loc.cit.*

⁶⁸*Introduction to FOSIS* (Lihat juga Pamflet FOSIS).

6. Bertindak sebagai satu mekanisme komunikasi dan kordinasi di kalangan persatuan pelajar Islam.

Objektif tersebut memperlihatkan keprihatinan FOSIS untuk memelihara kepentingan Islam dan orang-orang Islam bukan sahaja untuk golongan pelajar malah masyarakat seluruhnya.

2.7.4 Perlaksanaan Program

Sejak penubuhannya, FOSIS giat menjalankan pelbagai program sama ada di peringkat kampus mahupun melibatkan masyarakat luar. Program-program yang dilaksanakan oleh FOSIS antaranya ialah:

- 1) Sambutan pelajar-pelajar baru. Program ini diadakan di awal setiap sesi akademik. Pelajar-pelajar baru dari seluruh dunia yang sampai ke Britain di sambut dan diberi taklimat dan penerangan tentang FOSIS. Program sambutan pelajar baru ini menjadi agenda tetap FOSIS setiap tahun⁶⁹. Pelajar-pelajar baru diberi taklimat tentang suasana baru di Universiti di Britain dan tanggung jawab sebagai pelajar Muslim serta cabaran yang bakal mereka hadapi. Pelajar-pelajar baru menurut Ex-Officio FOSIS, Rani al-Khateeb dibekalkan dengan *Freshers Pack* atau *Da'wah Pack* untuk panduan mereka. Antara kandungan *Da'wah Pack* ini ialah kaset (seperti tajuk *A Way To Islam*), buku (contohnya *Letter to a Muslim Student in the*

⁶⁹Manazir (1994), *loc cit.*

- West*, oleh Hasan al-Banna), diari FOSIS⁷⁰ yang mengandungi maklumat tentang hari-hari Kebesaran Islam. doa harian dan kedai-kedai buku dan makanan halal serta pamphlet FOSIS⁷¹.
- 2) FOSIS juga mengendalikan sembahyang waktu harian dan sembahyang jumaat di kampus-kampus semasa musim pengajian⁷². Sehubungan dengan itu juga, FOSIS dari semasa kesemasa berjuang supaya kemudahan tempat menunaikan solat disediakan untuk pelajar Islam di universiti dan kolej⁷³.
- 3) Program-program meningkatkan pengetahuan Islam seperti halaqah pengajian al-Qur'an (Qur'anic Study Circles), kuliah-kuliah Islam dan usrah dengan secara mingguan dan bulanan. Ia terbuka untuk pelajar dan seluruh anggota masyarakat⁷⁴. Pemerhatian ikut serta mendapati ada aktiviti usrah dijalankan di asrama FOSIS di London. Hasil temubual terhadap responden yang hadir usrah iaitu seramai lapan orang, mendapati bahawa usrah tersebut dapat meningkatkan kefahaman tentang Islam dan mendekatkan diri kepada Allah⁷⁵.
- 4) Pertemuan pelajar. Perhimpunan pelajar ini biasanya diadakan setiap tahun dengan mengumpulkan seluruh pelajar Muslim di Britain. Tujuannya adalah agar melalui pengisian program ini, kualiti diri pelajar Muslim dapat dipertingkatkan⁷⁶. Pada tahun 2002, FOSIS telah menganjurkan FOSIS

⁷⁰Rani El-Khateeb, Ex-Officio FOSIS, temubual, 29 Mei 2002.

⁷¹Diari FOSIS 1999/2000.

⁷²Impact International, 9-22 April 1976, h.40.

⁷³Pamphlet *Muslim Students: Their Needs & Requirement* (t.t.). London:FOSIS.

⁷⁴Ibid.

⁷⁵Usrah (study circle) FOSIS dan temubual terhadap lapan orang responden di Ibu Pejabat FOSIS, 38 Mapesbury Road, London, 29 Mei 2002. (Satu fakta yang perlu dinyatakan bahawa FOSIS juga telah berperanan dalam mempengaruhi pelajar-pelajar Malaysia di Britain terutamanya pada tahun 70-an. Lihat umpamanya Muhammad Abu Bakar (1987), *Penghayatan Sebuah Ideal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).

⁷⁶Ibid.

Annual Camp dengan tema *Empowering Muslim Students in The West* di Markfield Conference Centre, IF, Leicester. Pengisian program ini antaranya ialah ceramah, bengkel, forum dan sukan. Kem tahunan ini bertujuan antara lain membangkitkan kesedaran Islam dan ilmu dan memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar Islam⁷⁷.

- 5) Hubungan kemasyarakatan. Perhubungan yang rapat di antara FOSIS dengan masyarakat diwujudkan dari masa ke semasa. Ini dilaksanakan dengan memberi pertolongan dan bantuan dalam pelbagai projek pembinaan seperti pembinaan masjid, pusat-pusat Islam dan kelas mingguan untuk kanak-kanak Islam. Contoh kepada usaha ini ialah masjid-masjid di Birmingham dan Manchester serta Islamic Centre di Leeds dan Dublin⁷⁸.
- 6) Kegiatan penerbitan. FOSIS mengambil beberapa inisiatif berkaitan penerbitan. Antaranya ialah menerbitkan Jurnal *The Muslim* dua bulan sekali yang merangkumi tafsir al-Qur'an, artikel tentang Islam serta berita-berita mengenai pelajar-pelajar Islam di Britain⁷⁹. Selain itu FOSIS dengan kerjasama IF menerbitkan buku bertajuk *Letter to a Muslim Student in the West* (1995) dan *Muslim Students Scholarship Awards* (1994). Buku *Letter to a Muslim Student in the West* adalah terjemahan buku Bahasa Arab karangan Hassan al-Banna. Buku ini asalnya adalah surat yang ditulis oleh Hassan al-Banna kepada temannya pada tahun 1935. Tetapi ia mengandungi nashiat yang berguna kepada belia Islam yang tinggal di

⁷⁷ FOSIS, <http://www.fosis.org.uk>, 15 Jun 2002.

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ Manazir (1994), *loc.cit.*

Britain dan luar negara⁸⁰. Buku yang kedua pula adalah kompilasi artikel yang menang pertandingan esei yang dianjurkan FOSIS dan IF⁸¹.

- 7) Program-program lain yang dilaksanakan FOSIS ialah menganjurkan perhimpunan sosial bersempena peristiwa tertentu seperti perjumpaan hari raya, mengeluarkan kad-kad ucapan hari raya, mengutip dan mengagih zakat kepada yang memerlukan, menjalinkan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan pelajar Islam di seluruh dunia seperti di Amerika, Kanada, Eropah, dan lain-lain. Ia juga menguruskan jemaah haji ke Mekah⁸².

Berdasarkan program yang dilaksanakan, dapatlah dikatakan bahawa usaha FOSIS dalam bidang dakwah adalah ditumpukan kepada memupuk nilai-nilai dan kesedaran Islam di kalangan pelajar⁸³. Usaha ini dapatlah dilihat kepada aktiviti dan program yang dianjurkan FOSIS seperti penyediaan Da'wah Pack, program perkhemahan pelajar, usrah dan usaha penerbitan seperti *Letter To A Muslim Student in The West*. Program yang dianjurkan ini adalah sesuai dengan hasrat melahirkan pelajar bersahsiah, berilmu dan mampu menghadapi persekitaran yang banyak bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

⁸⁰Lihat Hasan al-Banna (1995) *Letter to a Muslim Student in the West*. Leicester: The Islamic Foundation.

⁸¹*Muslims Students Scholarship Awards* (1994). Leicester: The Islamic Foundation.

⁸²Impact International (1976), *loc.cit.*

⁸³Contohnya ialah peranan yang dimainkan oleh FOSIS dalam mempengaruhi pelajar-pelajar Islam Malaysia sekitar tahun 70-an dan 80-an. Muhammad Abu Bakar telah mengulas peranan FOSIS di kalangan pelajar Malaysia ini dengan menyatakan bahawa pertubuhan Islam seperti FOSIS bukan sahaja berjaya mewujudkan *esprit de corps* di kalangan pelajar Islam (seperti menerusi sembahyang berjamaah), tetapi juga telah menyemai kesedaran Islam kepada mereka dalam program-program tarbiah seperti *Winter Gathering* dan lain-lain program. (Lihat Muhammad Abu Bakar (1987). *Penghayatan Sebuah Ideal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka).

2.7.5 Kesimpulan

Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan, FOSIS didapati bergerak dalam dua kelompok manusia, iaitu di kalangan pelajar dan masyarakat luar. Ini dapat dilihat melalui program dan aktiviti FOSIS yang menjangkaui kedua-dua golongan tersebut seperti kuliah ilmu, perkhemahan belia, pertemuan sosial, pengurusan jemaah haji dan sebagainya. Matlamatnya ialah untuk kepentingan Islam dan umat Islam seluruhnya. Melalui program-program yang dilaksanakan, jelas FOSIS berperanan mewujudkan kefahaman Islam dan kesatuan di kalangan pelajar Islam secara khusus dan masyarakat secara umum.

2.8 Union of Muslim Organisations (U.M.O)

2.8.1 Pendahuluan

Nama singkatan bagi Unions of Muslim Organisations ialah U.M.O. U.M.O ditubuhkan pada tahun 1970⁸⁴. Ia adalah organisasi yang pertama di Britain yang berkonsep ‘umbrella’ atau ‘payung’. Konsep ‘umbrella’ ini bermaksud sebuah organisasi yang bertindak sebagai penaung kepada organisasi-organisasi Islam di Britain khususnya dalam menyelaras tindakan dan perancangan bagi organisasi Islam di negara tersebut. Latarbelakang penubuhan, objektif dan program U.M.O ialah seperti berikut:

⁸⁴John L.Esposito (1995), *loc.cit.*

2.8.2 Latarbelakang Penubuhan

Penubuhan U.M.O seperti yang dinyatakan oleh Jessica Jacobson⁸⁵ ada kaitannya dengan perkembangan jumlah umat Islam dan organisasi Islam yang semakin meningkat di Britain. Peningkatan jumlah umat Islam ini memerlukan sebuah organisasi yang dapat mendokong aspirasi umat Islam dan dapat bergerak secara sistematis bagi menggembung keupayaan orang-orang Islam untuk kepentingan mereka sendiri. Dalam pandangan yang hampir sama, Jorgen Nielsen⁸⁶ berpandangan bahawa masyarakat Islam dalam konteks ini perlu kepada sebuah organisasi bersifat umbrella sekaligus menjadikan kewujudan atau kehadiran masyarakat Islam sebagai satu entiti yang dirasai di Britain.

Berdasarkan asas-asas yang disebutkan, pada 19 Julai 1970, wakil-wakil 38 organisasi Islam di seluruh Britain dan Ireland bertemu di satu persidangan di London dan telah menubuhkan U.M.O sebagai sebuah organisasi yang mewakili semua organisasi Islam di negara tersebut⁸⁷.

2.8.3 Objektif

U.M.O ditubuhkan dengan objektif⁸⁸:

1. Menyelaras aktiviti-aktiviti organisasi Islam yang wujud di Britain.

⁸⁵Jessica. (1998). *loc.cit.*

⁸⁶Jorgen Nielsen. (1992). *loc.cit.*

⁸⁷Manazir. (1994). *loc.cit.*

⁸⁸Impact International (1976). *loc.cit.*, h.53. (lihat juga Manazir Ahsan (1994). "Islam and Muslims in Britain", dalam Husin Mutalib & Taj-Ul-Islam, *Islam, Muslims and The Modern State*. London: Macmillan Press, h.346,

2. Membantu organisasi-organisasi Islam di Britain dan Ireland.
3. Menyediakan kemudahan-kemudahan untuk orang-orang Islam yang hidup di kawasan tertentu dan membolehkan mereka mengikuti cara hidup Islam.
4. Mengambil berat keperluan-keperluan sosio-budaya dan pendidikan masyarakat Islam di Britain dan Ireland serta memelihara dan memperkembangkan minat dan kepentingan dan keperluan khusus mereka.
5. Bertindak sebagai badan yang mewakili komuniti Muslim di Britain.
6. Bekerja untuk mewujudkan persefahaman yang lebih baik di antara orang-orang Islam dan lain-lain komuniti di Britain.

Menyokong matlamat tersebut, Jessica menyimpulkan bahawa U.M.O ditubuhkan untuk melangsungkan matlamat politik orang-orang Islam dengan melobi pihak-pihak kerajaan dan parti-parti politik di Britain⁸⁹. Selain daripada itu, U.M.O juga mempunyai matlamat untuk menyebar atau memupuk dakwah di kalangan masyarakat. Matlamat ini dinyatakan di dalam kenyataan akhbar U.M.O bertajuk *Muslims in Britain*⁹⁰.

⁸⁹Dr.Syed Aziz Pasha. Setiausaha Agung U.M.O. temubual. 30 Mei 2002. Lihat juga Jessica (1998), *loc.cit.*

⁹⁰Muslims in Britain. *Press Conference*. 29 Mei 2001. London: UMO Centre, h.8.

2.8.4 Program yang dilaksanakan

Bagi mencapai objektif yang telah digariskan, U.M.O telah melaksanakan pelbagai program, antaranya ialah:

- 1) U.M.O turut terlibat dalam menangani isu-isu berkaitan pendidikan. Pada tahun 1976 contohnya, U.M.O telah terlibat menyediakan satu silibus pendidikan Islam untuk pelajar-pelajar Islam yang diberi nama *Guidelines and Sillybus on Islamic Education*⁹¹. Selain daripada itu, U.M.O juga mendesak pihak berkuasa agar menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pelajar Islam mempelajari agama dan budaya mereka⁹². Satu konferen tentang pengambilan guru Muslim telah diadakan pada 18 Oktober 2000. Tujuan konferen ini ialah untuk menggalakkan pelajar-pelajar Islam yang masih menuntut di kolej dan universiti supaya memilih perguruan sebagai kerjaya mereka. Antara tajuk perbincangan dalam forum ini ialah *Why I am proud to be a teacher*⁹³.
- 2) Isu berkaitan undang-undang keluarga Islam juga menjadi agenda penting bagi U.M.O. Organisasi ini dikatakan pertubuhan Islam pertama yang membangkitkan soal berkaitan undang-undang keluarga Islam di Britain, iaitu pada tahun 1975⁹⁴. Ekoran daripada itu juga, pada tahun 1977, U.M.O telah membentuk satu jawatankuasa kerja bersama dengan Anglo-Asian Conservative Society dengan tujuan merintis jalan menghapus halangan-halangan dalam perlaksanaan undang-undang keluarga Islam dan lain-lain

⁹¹M.M Ally (1981), *loc.cit.*

⁹²Impact international (1976), *loc.cit.*, h.54.

⁹³Pamflet Conference on Muslim Teacher Recruitment.

⁹⁴Nielsen (1992), *loc.cit.*

tradisi komuniti Islam di Britain⁹⁵. U.M.O berpandangan bahawa undang-undang ini penting untuk memelihara identiti Islam dan masyarakat Islam di samping membaiki kerangka moral dan sosial secara keseluruhannya⁹⁶.

- 3) Perihatin terhadap isu-isu yang melibatkan umat Islam secara global⁹⁷. Atas hasrat melaksanakan konsep kesejagatan ummah dan semangat persaudaran Islam, U.M.O bertindak menaja dan menyertai demonstrasi serta rapat umum bagi menyokong dan menunjukkan rasa simpati terhadap perjuangan Pertubuhan Pembebasan Palestine (PLO), persoalan Masjid al-Aqsa, isu Kashmir dan juga menjadi tuan rumah dalam perkara-perkara yang membabitkan umat Islam di seluruh dunia. Contohnya semasa isu Salman Rushdie, U.M.O bekerjasama dengan United Kingdom Action Committee on Islamic Affairs (UKACIA) dan menyampaikan pandangan umat Islam tentang isu tersebut di radio dan televisyen⁹⁸. Keprihatinan ini juga ditunjukkan oleh U.M.O melalui usahanya menubuh sekolah di sempadan Pakistan-Afghanistan, iaitu di Kem Surkhab⁹⁹.
- 4) Program dialog antara agama (inter-faith dialogue) serta menjalin hubungan baik dengan pihak kerajaan pusat dan pihak berkuasa tempatan¹⁰⁰. Hubungan ini penting agar isu-isu yang melibatkan umat Islam dapat diperjuangkan secara efektif. Untuk tujuan ini, U.M.O antaranya

⁹⁵M.M Ally (1981), *loc.cit.*

⁹⁶Muslims in Britain, *loc.cit.*

⁹⁷Selain isu bersifat global tersebut, terdapat komen-komen yang menyatakan U.M.O kurang memberi penekanan kepada isu-isu bersifat lokal. Sebagai contoh perundingan dengan pihak berkuasa tempatan tidak diberi perhatian oleh organisasi ini dalam menuntut hak-hak orang Islam seperti penyediaan makanan halal di sekolah, kebenaran cuti dari pihak majikan sempena hari kebesaran Islam dan lain-lain isu melibatkan kepentingan orang Islam. (Lihat misalnya pandangan Jorgen Nielsen (1995), *Muslim in Western Europe*. Edinburgh: Edinburgh University Press, h.47).

⁹⁸Manazir (1994), *loc.cit.*

⁹⁹British Muslims (Monthly Survey), Vol.10, no.3, Mac 2002. Birmingham: CSIC, h.5-6.

¹⁰⁰*Ibid.*

mengambil inisiatif menganjurkan sambutan maulid al-Rasul pada setiap tahun. Sambutan yang diadakan ini memberi peluang kepada U.M.O menyampaikan mesej Islam yang sebenar. Para tetamu yang dijemput adalah terdiri daripada orang-orang Islam dan bukan Islam. Pada tahun 2000 contohnya, antara tetamu yang hadir pada majlis tersebut ialah Chancellor Micheal Brahams, Datuk Bandar Westminster dan Gary Streeter, Ahli Parlimen dari Parti Konservatif¹⁰¹.

- 5) U.M.O mengadakan konferen dan seminar dari semasa ke semasa. Konferen yang diadakan ini melambangkan keprihatinan U.M.O terhadap masalah yang dihadapi umat islam secara global. Contohnya, satu konferen, iaitu ‘Winter Conference’ telah diadakan di Birmingham pada 6-7 Februari 1993 dengan tema *Bosnia and Babri Mosque-Time for Action*¹⁰². U.M.O juga menganjurkan satu konferen tentang Islam sebagai agama damai dan adil sebagai respon daripada tragedi yang berlaku di WTC. Washington pada 11 September 2001. Konferen bertemakan *Islam is a Religion of Peace and Justice* ini telah diadakan pada 9-10 Mac 2002, di Birmingham. Tema ini dipilih kerana media selepas daripada peristiwa tersebut telah melabel Islam sebagai agama ganas.

Adalah menjadi hasrat U.M.O melalui konferen tersebut menangkis label tersebut dan menonjolkan peranan dan sumbangan yang telah diberikan Islam terhadap pembinaan tamadun termasuk tamadun Barat¹⁰³. Antara

¹⁰¹ *UMO News Review*, Vol.3, no.1&2, 31 Ogos 2000, h.2.

¹⁰² *Ibid.*, h.347.

¹⁰³ *The Muslim News*, 31 Mei 2002, no.157, h.1.

kertas yang dibentangkan dalam konferen ini ialah *Islam is a Religion of Tolerance* oleh Aftab Parvas¹⁰⁴.

- 6) Selain program-program yang disebutkan, U.M.O juga bergerak dalam bidang penerbitan dengan menerbitkan buletin, senarai makanan halal, serta panduan silibus pendidikan Islam¹⁰⁵. Buletin U.M.O (UMO News Review) mengandungi artikel pelbagai topik dan berita dan maklumat terkini tentang kegiatan U.M.O. Buletin Vol.3, no.3 &4, 31 Disember 2002 contohnya memuatkan artikel bertajuk *Ramadan in the West*. Artikel ini memaparkan kelebihan bulan ramadan dan puasa di bulan tersebut¹⁰⁶.

Berdasarkan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan, didapati UMO telah berperanan melaksanakan objektif penubuhannya untuk melobi masyarakat Islam menuntut hak-hak mereka. Namun demikian, kerana masalah kurang mendapat sokongan dan masyarakat tidak memahami aspirasi organisasi ini, UMO telah dianggap sebuah pertubuhan prematutur, *one man show* dan ini sedikit sebanyak menyukarkan tugas UMO melaksana program yang dirancang. Penubuhan MCB sebagai organisasi bersifat umbrella yang baru telah mengurangkan lagi pengaruh UMO.

¹⁰⁴ *Ibid.*, h.7.

¹⁰⁵ Lihat Manazir Ahsan, 1994, h.347 dan *Impact International*, 9-22 April 1976, h.41-42.

¹⁰⁶ *UMO News Review*, Vol.3, no.3 &4, 31 Disember 2000, h.1.

2.8.5 Kesimpulan

Berdasarkan fakta yang telah dikemukakan, U.M.O telah bergerak secara aktif terutamanya di peringkat awal penubuhannya dan telah memainkan peranan penting dalam isu-isu berkaitan umat Islam seperti undang-undang kekeluargaan Islam, pendidikan Islam serta masalah yang dihadapi umat Islam secara global. Namun demikian, kerana faktor-faktor tertentu seperti kurang sokongan, kurang mendapat perhatian pihak berkuasa, faktor perubahan masa dan suasana, peranan U.M.O nampaknya semakin terbatas dan menghadapi masalah meneruskan survivalnya.

2.9 The Muslim College

2.9.1 Pendahuluan

The Muslim College ditubuhkan pada tahun 1984¹⁰⁷. Ia adalah sebuah kolej yang menyediakan alternatif kepada pendidikan Islam di peringkat pengajian tinggi dan sekaligus berperanan dalam perkembangan dakwah. Latarbelakang penubuhan The Muslim College, objektif dan program-program yang dilaksanakannya adalah seperti berikut:

¹⁰⁷Prospektus The Muslim College, 2000/2001. h.1.

2.9.2 Latar belakang Penubuhan The Muslim College

Penubuhan Muslim College adalah hasil konferen pemimpin-pemimpin Islam yang diadakan di Islamic Cultural Centre, London pada tahun 1978. Konferen tersebut telah menggagaskan idea penubuhan The Muslim College. Dr.Zaki Badawi¹⁰⁸ adalah tokoh terpenting yang telah mengambil inisiatif menubuhkan institusi ini. Beliau telah beberapa kali mengambil inisiatif mengunjungi pertubuhan-pertubuhan dan kerajaan Islam bagi mendapatkan sokongan dan bantuan dalam menubuhkan The Muslim College. Pertemuan Dr.Zaki dengan setiausaha Agung The World Islamic Call Society telah membawa hasil di mana akhirnya The Muslim College ditubuhkan¹⁰⁹. The Muslim College wujud dengan rasminya setelah satu perjanjian ditandatangani di antara Dr.M.A Zaki Badawi sebagai pengasas The Muslim College dengan Dr.Muhammad Ahmed Sherif, Setiausaha Agung *The World Islamic Call society*¹¹⁰.

2.9.3 Objektif Penubuhan

Objektif Muslim College seperti yang tertera di dalam prospektusnya (2000/2001) boleh dibahagikan kepada dua, objektif umum dan objektif khusus.

1) Objektif Umum

¹⁰⁸Dr.Zaki Badawi pernah menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur pada hujung tahun 50-an dan pernah berkhidmat di King Abdul Aziz University, Arab Saudi (1976-78). Beliau adalah di antara tokoh yang terlibat dalam mengasaskan Regent Mosque, London dan pernah menjadi Director kepada Islamic Cultural Centre pada tahun 1978-81.

¹⁰⁹*Ibid.*

¹¹⁰*Ibid.*

Objektif umum The Muslim College ialah :

1. Menawarkan program pengajian yang mencapai tahap akademik yang setanding dengan lain-lain institusi pendidikan tinggi di Eropah dan United Kingdom
2. Menyediakan peluang-peluang kepada kakitangan dan pelajar melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan penyelidikan.
3. Mewujudkan suasana yang harmoni melalui kefahaman masyarakat Islam tentang warisan Islam. Ia juga berhasrat melahirkan generasi Muslim yang memahami agama atau lain-lain kepercayaan. Kedua-dua perkara ini akan membawa kepada kewujudan masyarakat yang harmoni.
4. Pelajar-pelajar diharap dapat menggabungkan kefahaman secara kritis terhadap warisan tradisi Islam dan isu-isu agama semasa. Ini bererti menggabungkan aspek teori dan praktikal dalam situasi masyarakat pelbagai agama.
5. Menyahut cabaran kehidupan moden dalam aspek-aspek kebudayaan, cara hidup dan tabiat sosial.

2) Objektif Khusus

Secara khusus objektif Muslim College ialah¹¹¹:

1. Program pengajian yang ditawarkan oleh Muslim College bertujuan membolehkan pelajar-pelajar membuat penyelidikan secara

¹¹¹ Prospektus Muslim College 2000/2001.

- bersendirian dengan menggunakan sama ada sumber primer atau sekunder
2. Berusaha melahirkan pelajar yang berkeupayaan membuat penilaian yang adil dan tepat berhubung isu-isu Islam serta memperkembangkan perasaan atau sikap bertanggungjawab masyarakat Islam dan kebajikan masyarakat secara keseluruhannya.
 3. Sebagai sebuah institusi Islam yang komited, pendekatan pembelajaran dan penyelidikan moden dipastikan berjalan mengikut syariat Islam.

Kedua-dua objektif umum dan khusus tersebut sebenarnya menuju kepada satu matlamat, iaitu melahirkan pelajar Muslim yang mampu berdaya saing dalam masyarakat yang begitu kompleks serta berjiwa Islam sekaligus berperanan sebagai pendakwah.

2.9.4 Program yang dilaksanakan

Muslim College melaksanakan program berorientasikan akademik dengan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Program-program tersebut ialah 1) Program M.A Pengajian Islam 2) Program Sijil dan diploma Pengajian Islam¹¹².

1) Program M.A Pengajian Islam

Program M.A Pengajian Islam mengambil masa selama dua tahun secara sepenuh masa. Program ditawarkan kepada semua penduduk Islam terutama di

¹¹²Lihat Prospektus The Muslim College 2000/2001 dan laman webnya www.muslimcollege.ac.uk untuk maklumat lebih lanjut tentang kursus-kursus yang ditawarkan Muslim College.

Eropah. Mereka akan ditemuduga dengan memberi penekanan kepada aspek moral dan komitmen terhadap agama. Syarat utama bagi kemasukan ialah ialah kelayakan akademik. iaitu mereka mestilah mendapat ijazah dari universiti yang diiktiraf.

Kursus-kursus yang ditawarkan di Muslim College mengambil kira latar belakang pelajar pelbagai budaya, pelbagai etnik, pelbagai bahasa dan pelbagai kepercayaan. Kandungan kurikulum meliputi aspek-aspek :

1. Teologi dan falsafah (1 modul setiap tahun)
2. Pengajian Qur'an dan Hadith (1 modul setiap tahun)
3. Perundangan Islam (1 modul setiap tahun)
4. Agama-agama Dunia (1 modul, diajar pada tahun pertama)
5. Falsafah Barat (1 modul, diajar pada tahun kedua)
6. Bahasa & Kesusastraan Arab (1 modul setiap tahun)
7. Sejarah & Tamadun Islam (1 modul setiap tahun)

Selain daripada kursus-kursus tersebut, pelajar disediakan peluang mengikuti latihan di tahun kedua sebagai persediaan sama ada menjadi imam, guru atau bidang komunikasi. Mereka boleh memilih mengikuti latihan dalam mana-mana satu dari bidang-bidang berikut:

- i) Kursus Imam – Kursus imam bertujuan menyediakan calon yang berwibawa sebagai pemimpin agama dalam masyarakat. Aspek-aspek yang menjadi fokus dalam latihan kursus imam ialah pengucapan awam, kaunseling,

fatwa, pentadbiran masjid, masjid dan masyarakat, masjid dan pihak-pihak berkuasa, masjid dan lain-lain komuniti dan masjid dan pendidikan.

- ii) Pendidikan – Dalam latihan pendidikan aspek-aspek yang diberi perhatian ialah tentang prinsip-prinsip pendidikan, kaedah pengajaran, psikologi pendidikan dan merancang silibus. Praktikal mengajar di sekolah-sekolah tempatan juga diatur.
- iii) Pengajian Media – Ia adalah kursus profesional. Buat masakini, hanya kursus kewartawanan (journalism) sahaja yang ditawarkan meliputi aspek-aspek prinsip-prinsip penulisan wartawan, kaedah penulisan berita, bahasa surat khabar dan penceritaan journalistik (journalistic stories), metode melaporkan hal-ehwal agama, penyuntingan (editing), rekabentuk (designing) dan pemasaran (marketing).

2) Program Diploma dan Sijil

The Muslim College telah mengadakan kerjasama dengan The Faculty of Continuing Education, Birkbeck College, University of London untuk menawarkan kursus pengajian Islam di peringkat diploma dan sijil. Program pengajian ini ditawarkan secara separuh masa bagi sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui Islam dengan lebih lanjut. Matapelajaran yang ditawarkan di peringkat ini ialah:

Course 1: Introduction to Islam

Course 2: Studies of the Qur'an dan the Hadith

Course 3: The Shari'a (Muslim Law) and Usul al-Fiqh (Principles of Muslim Law)

Course 4: Islamic History and Culture

Course 5: Muslim Theology and Philosophy

Course 6: Social and Political Issues in Islam

Course 7: An Introduction to Literary Arabic

Course 8: Texts in Literary Arabic

Jika diteliti kepada kursus-kursus yang ditawarkan tersebut yang meliputi pengenalan asas kepada doktrin Islam, perundangan, sejarah, politik, budaya, sosial dan budaya Islam, dapatlah dikatakan bahawa ia bertujuan memberikan pengenalan dan pendedahan asas kepada pelajar kepada bidang-bidang tersebut. Bagaimanapun, Muslim College menghadapi masalah pengiktirafan terhadap sijil dan diplomanya. Menurut Abdul Ali Hamid, Profesor al-Qur'an dan al-Hadith, sijil Muslim College tidak diiktiraf kerajaan¹¹³.

Selain program bersifat pendidikan, Muslim College juga mewujudkan hubungan dengan lain-lain pihak. Ini dapat dilihat kepada penglibatan pengetua Muslim College, Dr.Zaki Badawi dalam satu pertemuan pemimpin pelbagai agama, iaitu Kristian dan Hindu bagi membincangkan penubuhan sekolah Multi-Faith pada bulan Mac 2002¹¹⁴.

¹¹³Abdul Ali Hamid, Profesor al-Qur'an dan al-Hadith Muslim Collge, temubual, 29 Mei 2002.

¹¹⁴*The Times*, 12 Mac 2002.

2.9.5 Kesimpulan

Berdasar fakta-fakta yang telah dikemukakan, dapatlah dirumuskan bahawa The Muslim College adalah sebuah institusi Islam yang bergerak dalam bidang pendidikan bagi menyebarkan mesej Islam kepada masyarakat. Agenda ini disampaikan dan disebarluaskan melalui kursus yang ditawarkan di kolej ini.

2.10 The Young Muslims

2.10.1. Pendahuluan

The Young Muslims (YM) adalah pertubuhan belia. Ia ditubuhkan pada tahun 1984. Tujuh puluh lima peratus ahli-ahli YM ialah orang-orang Islam berketurunan Pakistan¹¹⁵. Latarbelakang, objektif serta program YM adalah seperti berikut :

2.10.2 Latarbelakang Penubuhan YM

Penubuhan YM adalah ekoran daripada keperluan kepada organisasi yang dapat menjadi wadah golongan muda menyalurkan potensi mereka untuk aktiviti kelslaman di samping menyediakan golongan muda yang mampu menjadi model kepada seluruh masyarakat di Britain dalam persekitaran yang tidak Islamik.

Ekoran daripada keperluan tersebut, pada awal 80-an pemimpin-pemimpin gerakan Islam di Britain menyatakan keprihatinan mereka untuk melihat lahirnya

¹¹⁵Jessica (1998), *loc.cit.*

sebuah pertubuhan belia Islam. Hasilnya pada Disember 1984, pertemuan dua puluh tujuh orang pemuda dari seluruh Britain di Leeds telah membawa kepada penubuhan sebuah organisasi belia peringkat kebangsaan yang diberi nama The Young Muslims UK. Presiden pertama YM ialah Farooq Murad dan dibantu oleh lima ahli majlis Syura¹¹⁶.

2.10.3 Objektif Penubuhan

Objektif penubuhan YM ialah seperti berikut¹¹⁷:

1. Memaksimumkan potensi belia di Britain bagi tujuan menyalurkan tenaga mereka untuk kerja-kerja Islam
2. Membantu belia dengan bimbingan rohani, pemahaman dan kecintaan yang mendalam terhadap agama serta mumpnyai perasaan yang mendalam terhadap matlamat agama.
3. Memupuk semangat menghormati keilmuan Islam yang membolehkan mereka berpegang teguh kepada sunnah rasul.

Daripada ketiga-tiga objektif tersebut, Dr. Manazir merumuskan bahawa YM mempunyai matlamat untuk memberi inspirasi kepada golongan belia agar berkorban untuk kepentingan Islam dan bekerja untuk membimbang individu dan masyarakat supaya tunduk patuh kepada Allah¹¹⁸.

¹¹⁶ Young Muslims, www.ymuk.com:21 . 18 Jun 2003.

¹¹⁷ Ibid.

¹¹⁸ Manazir (1994), *loc.cit.*

2.10.4 Program yang dilaksanakan

YM melaksanakan pelbagai program bagi memenuhi objektif yang telah dirangka.

Program-program yang dilaksanakan oleh YM ialah:

- 1) Program perkaderan. Seruan kepada Islam memerlukan kepada usaha-usaha menyatukan belia ke arah satu visi. Berdasarkan asas ini, YM merasakan bahawa tenaga belia perlu diurus dan digembangkan dalam satu organisasi yang tersusun dan efektif. Ini akan memberi kekuatan kepada gerak kerja Islam. Bagi melaksanakan agenda ini, YM telah melaksanakan beberapa program perkaderan seperti usrah mingguan dan perhimpunan musim panas yang dihadari oleh belia dari seluruh negara. Usrah mingguan bertujuan meningkatkan ilmu Islam di kalangan belia¹¹⁹. Perhimpunan musim panas pula penting ke arah memupuk disiplin dan semangat kesatuan di kalangan umat Islam¹²⁰. Perhimpunan musim panas mengandungi beberapa pengisian seperti qiyamullail, riadah dan ceramah. Adalah menjadi hasrat YM melalui program seperti ini akan mampu melahirkan generasi muda bertaqwa¹²¹.
- 2) Program dakwah. Aktiviti dakwah YM kepada masyarakat dilaksana melalui beberapa program seperti menganjurkan minggu kesedaran Islam (*Islam Awareness Week*) dan usaha-usaha dalam bidang penerbitan. Antara pengisian dalam program kesedaran Islam ialah ceramah (antaranya ialah ceramah bertajuk *Muhammad the Greatest Visionary* oleh Dr.Munir Ahmad), nasyid,

¹¹⁹ Mahmud al-Rashid (1995), *loc.cit.*

¹²⁰ Manazir (1994), *op.cit.*, h.348.

¹²¹ *Ibid.*

debat (contohnya debat bertajuk *Muslim Participation in British Politics*) dan lain-lain¹²². Dakwah melalui penerbitan dilakukan dengan menerbitkan majalah *The Trends*. Pelbagai topik dimuatkan dalam *The Trends* seperti surat pembaca, berita dan artikel. *The Trends* keluaran 2002, Vol.7, Issue 5 memuatkan beberapa artikel. Antaranya artikel bertajuk *The Phenomena of Conversion To Islam* dan *Alcohol So Good Yet So Bad*¹²³. Dilihat kepada tajuk-tajuk artikel tersebut, jelas YM mempunyai hasrat menarik masyarakat kepada Islam dan menghayati Islam sebagai budaya hidup.

3) Kebajikan Sosial

YM berpegang kepada konsep islah sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an (Surah Hud, (11):88). Islah pada pandangan YM adalah satu mekanisme penting ke arah mewujudkan kebaikan dan kesejahteraan masyarakat. Bertitik tolak dari pandangan ini YM telah mengambil daya usaha melaksanakan aktiviti berhubung kebajikan sosial. Antara program kebajikan sosial yang dilaksanakan oleh YM ialah memberi khidmat nasihat undang-undang berkenaan soal-soal imigrasen, *social benefits*, elaun keluarga, pencen dan sebagainya¹²⁴.

YM telah melaksanakan program-program yang boleh meningkatkan ilmu dan membina sahsiah belia Islam di Britain. Program seperti Summer Camp dan minggu kesedaran Islam contohnya mungkin boleh menjana kepada pembinaan belia bersahsiah dan berilmu seperti yang diharapkan YM. Namun demikian,

¹²²Mahmud al-Rashid (1995), *loc.cit.*

¹²³*The Trends*, Vol.7, Issue 5. 2002.

¹²⁴Daniele Joly (1995), *Britannia's Crescent: Making a Place for Muslims in British Society*: Hants: Avebury Ashgate Publishing Ltd., h.10.

program yang dilaksakan oleh YM nampaknya lebih ditumpukan kepada belia-belia Islam. Mungkin melalui *Majalah Trend*, mesej Islam telah disampaikan secara tidak langsung kepada semua lapisan komuniti, tetapi satu program dakwah secara khusus terhadap golongan belia Non-Muslim adalah perlu diadakan. YM perlulah meluaskan programnya kepada belia Non-Muslim agar rahmat Islam tidak sahaja dirasai oleh orang-orang Islam tetapi juga oleh orang-orang bukan Islam.

2.10.5 Kesimpulan

YM telah melakukan pelbagai pendekatan dalam membimbing generasi belia Islam di Britain. Melalui pendekatan perkaderan belia, dakwah, dan kebajikan sosial YM berusaha dan berhasrat melahirkan generasi bertakwa sebagaimana yang digariskan dalam objektif penubuhannya. Kini YM telah mula popular dan disertai oleh pelbagai golongan belia terutamanya pelajar di institusi pengajian tinggi.

2.11 Islamic Relief

2.11.1 Pendahuluan

Islamic Relief (IR) ditubuhkan pada tahun 1984. Ia adalah sebuah organisasi kebajikan antarabangsa yang berperanan membantu penduduk miskin di seluruh dunia melalui pelbagai program yang dilaksanakan. IR mempunyai pejabat operasi yang dikenali dengan nama Field Offices di tiga belas negara. Pejabat-pejabat itu ialah di India, Bangladesh, Bosnia, Albania, Kosovo, Mali, Sudan, Pakistan, Afghanistan, Mesir, Cechnya/Ingushetia, Azerbaijan dan Palestin. Fund-raising

Offices pula terdapat di sembilan negara, iaitu UK, USA, Sweden, Jerman, Belanda, Perancis, Belgium, Mauritius dan Switzerland yang berperanan meningkatkan tabung bantuan bagi pihak IR¹²⁵. Latarbelakang penubuhan, objektif dan program yang dilaksanakan IR ialah seperti berikut:

2.11.2 Latarbelakang Penubuhan

Organisasi ini wujud hasil reaksi komuniti Islam di Britain terhadap masalah kebuluran yang berlaku di Ethiopia dan Sudan pada tahun 1984¹²⁶. Pertemuan sekumpulan kecil pelajar perubatan di Birmingham yang prihatin terhadap masalah kebuluran di kedua-dua negara tersebut telah membawa kepada tertubuhnya Islamic Relief¹²⁷. Di peringkat awal penubuhannya, IR lebih memberi fokus kepada kepada bantuan segera (emergency relief) untuk mangsa perang dan bencana alam. Selepas itu, ia mula mengorak langkah melaksana projek jangka panjang membantu masyarakat yang memerlukan. Derma awal yang diperolehi IR ialah sebanyak 20 pence¹²⁸.

2.11.3 Objektif

IR ditubuhkan dengan matlamat menghapuskan kemiskinan dan penderitaan di kalangan penduduk termiskin di dunia. Matlamat ini dinyatakan seperti berikut¹²⁹:

¹²⁵ *Development Projects 2001*, h.2.

¹²⁶ Mahmood Ibrahim (2001), *Islamic Relief*. London: Islamic Relief, h.2.

¹²⁷ *Annual Report 2000*, *Islamic Relief*, h.4.

¹²⁸ Mahmood Ibrahim (2001), *op.cit.*, h.3

¹²⁹ *Ibid.*

"Islamic Relief is dedicated to alleviating the poverty and suffering of the world's poorest people"

Objektif ini adalah selaras dengan kehendak dan tuntutan al-Qur'an yang menggesa umatnya melakukan kerja-kerja kebaikan (Surah al-Mâ'idah (5):2) dan membantu golongan yang memerlukan. Sehubungan dengan itu. Pengarah Urusan IR, Dr.Hany El-Banna menyatakan bahawa IR berperanan sebagai fasilitator yang prihatin terhadap golongan miskin dan memerlukan dengan memperbaiki keadaan mereka¹³⁰. Bertitik tolak daripada objektif tersebut, IR telah melaksana pelbagai program bagi membantu golongan miskin di seluruh dunia.

2.11.4 Program yang dilaksanakan

IR telah melaksanakan pelbagai program bagi membantu membasmi kemiskinan di negara-negara yang mengalami bencana alam, krisis atau perang dan sebagainya. Program yang dilaksanakan ialah seperti berikut:

1) Projek Pembangunan

Masalah kemiskinan boleh dianggap sebagai satu fenomena global. Usaha-usaha telah dilaksana oleh IR bagi mengatasi masalah kemiskinan melalui pelbagai bentuk bantuan seperti kewangan, sokongan moral, latihan dan sebagainya. Program-program bantuan kemiskinan sama ada bersifat jangka pendek ataupun jangka panjang telah dilaksanakan secara berterusan oleh IR.

¹³⁰Hany El-Banna, *Annual Report 2000*, Islamic Relief, h.6.

IR mengambil pendekatan memberi sokongan dan melatih golongan miskin agar mereka dapat membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Beberapa program diperkenal untuk tujuan membasmi kemiskinan seperti *Income Generation Projects* dan *Community Action Programme*. Melalui program-program tersebut bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman tanpa faedah telah diberikan kepada penduduk miskin agar mereka boleh bermiaga. Menurut Laporan Tahunan IR, tahun 2000, program ini telah dilaksanakan di Bangladesh, Bosnia, India, Kosovo dan Palestin. Bantuan yang telah disalurkan untuk menjayakan program ini ialah sebanyak 117,632 pound sterling¹³¹.

Hasil penilaian yang dibuat oleh IR, program ini telah berjaya meningkatkan taraf hidup peserta program. Ada di kalangan mereka yang berupaya membeli tanah, kedai dan mampu menyara diri dan boleh membantu masyarakat yang miskin¹³².

Selain daripada bantuan dalam bentuk penjanaan kewangan tersebut, di bawah program pembangunan ini juga dilaksanakan beberapa projek berkaitan dengan pendidikan dan latihan. Untuk tujuan ini, IR telah mewujudkan beberapa program berbentuk latihan dan pendidikan iaitu¹³³:

- Penubuhan sekolah termasuk sekolah orang-orang cacat (disabled school)
- *Graduate Training Centre* (Pusat Latihan Graduan)
- *Adult Literacy Programme* (Program Literasi Orang Dewasa)

¹³¹ *Ibid.*, h.20-22.

¹³² *Ibid.*, h.20.

¹³³ *Development Projects 2001*, h.9.

Projek ini telah dilaksanakan di enam negara, iaitu Albania, Bosnia, Kosovo, Mali, Palestin dan Sudan. Bantuan yang telah disalurkan untuk tujuan ini menurut Development Project 2001 ialah sebanyak 446,375 pound sterling¹³⁴.

2) Bantuan Kecemasan (Emergency Aid)

Bantuan kecemasan adalah bantuan segera yang disalurkan kepada mangsa bencana alam seperti kemarau, banjir, gempa bumi, taufan dan mangsa perang. Bantuan yang diberikan ialah berupa makanan, khemah perlindungan sementara, pakaian, ubat dan rawatan kesihatan serta pembinaan semula rumah yang runtuh. Bantuan¹³⁵. Mengikut laporan di dalam buletin Islamic Relief, *Partnership*, bantuan beberapa peralatan seperti kerusi roda, tilam, tongkat dan walker telah dihantar sebagai bantuan kepada mangsa perang di Palestin¹³⁶.

Mengikut laporan Development Projects 2001 pula, sebanyak sebelas negara telah menerima bantuan kecemasan ini iaitu Afghanistan, Albania, Chechnya, Ethiopia, India, Kosovo, Mozambique, Pakistan, Palestin, Sudan dan Turki. Perbelanjaan bagi membiayai bantuan tersebut berjumlah 6,106,234 pound sterling¹³⁷.

¹³⁴*Ibid.*

¹³⁵*Ibid.*, h.14-15.

¹³⁶*Partnership*, Autumn 2001, Issue 18, h.2.

¹³⁷Development Projects 2001, *loc.cit.*

3) Program Kesihatan

Program kesihatan ini adalah satu bentuk program bagi meningkatkan kualiti dan taraf kesihatan penduduk termiskin. Bentuk-bentuk bantuan atau program yang dilaksanakan ialah membangun semula klinik pesakit luar, kempen pencegahan buta, rawatan kesihatan kanak-kanak dan wanita dan projek air bersih.

Pada tahun 1998 misalnya, Islamic Relief telah menujuhkan *Kem Mata* atau *Eye Camp* dan menjalankan kempen mencegah buta di Gilgit Bangladesh. Mangsa dikenal pasti, diperiksa dan diberi rawatan. Ada di antara mereka terpaksa menjalani pembedahan. Projek ini telah berjaya mencegah buta di kalangan penduduk di tempat tersebut¹³⁸. Di Kashmir, projek yang diberi nama *Neelum Valley Health* telah memberi faedah kepada 43,000 penduduk di kawasan-kawasan Shakot, Neelum dan Athmuqum. *Pusat Kesihatan Komuniti* (Community Health Centre) ditubuhkan di bawah program ini yang memberi rawatan kesihatan secara langsung kepada orang ramai¹³⁹.

Program atau projek air bersih telah dilaksanakan di beberapa negara. Di Sudan misalnya, *The Blue Nile* dan *The North Kordofan Water Programme* telah dilaksanakan bagi memastikan penduduk di tempat tersebut menikmati air bersih. Penduduk tempatan sendiri menjayakan program ini dengan menggali perigi dan melakukan kerja-kerja penyeliaan dan baik pulih. IR hanya memberi bantuan

¹³⁸ Annual Report 2000, Islamic Relief, h.13.

¹³⁹ Partnership, Autumn 2001, Issue 18, h.5.

kewangan dan sokongan moral¹⁴⁰. Selain Sudan, projek ini juga telah dilaksanakan di Baluchistan, Pakistan¹⁴¹.

4) Lain-lain Bentuk Program

Selain daripada program-program tersebut, ada beberapa bentuk program lain yang dilaksanakan IR bagi tujuan membantu golongan yang memerlukan dan membasmi kemiskinan ialah:

1. Ramadan Food Packet Programme. Bantuan yang diberikan di bawah program ini adalah bersifat sementara, iaitu sekadar mencukupi keperluan makanan selama seminggu. Bantuan disalur kepada penduduk yang miskin, orang cacat, pelarian dan orang sakit di negara-negara miskin dan mengalami krisis. Makanan yang dibungkus dan dibekalkan ialah makanan keperluan asas seperti beras, tepung, gula, kacang, susu tepung dan minyak masak. Laporan tahun 2000 menunjukkan sebanyak USD 578,757 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut¹⁴².
2. Pertemuan Sosial. Program ini diadakan untuk tujuan menjana tabung bagi membantu orang-orang miskin dan memerlukan. Antara program yang dianjurkan ialah makan malam. Satu majlis makan malam yang diadakan bagi tabung Afghanistan pada tahun 2001 telah berjaya mengutip sebanyak 40,000 pound sterling¹⁴³. Hubungan lain-lain

¹⁴⁰ *Ibid.*, h.10.

¹⁴¹ *Partnership*, Spring 2002, Issue 19, h.3.

¹⁴² Annual Report 2000. Islamic Relief, *loc.cit*, h.13.

¹⁴³ *Partnership*, Autumn 2001, Issue 18, h.8.

organisasi melalui pertemuan sosial ini menurut Uzama Mukhtar adalah bertujuan mencari dana membantu golongan miskin dan juga pihak yang memerlukan¹⁴⁴.

3. Target 2015. Target 2015 ialah satu program yang dilancarkan oleh kerajaan British dengan kerjasama pertubuhan kebaikan Islam British termasuk Islamic Relief untuk membasmi kemiskinan di kalangan penduduk dunia menjelang tahun 2015. IR menyertai dan membantu kerajaan British dalam rangka membaiki kehidupan satu bilion manusia yang berada di dalam keadaan miskin¹⁴⁵.

Program-program yang dilaksana IR melalui bantuan jangka pendek atau projek jangka panjang seperti projek latihan menampakkan kesungguhan organisasi ini menghapuskan kemiskinan masyarakat di seluruh dunia. Ini selaras dengan matlamat IR sendiri untuk membantu membasmi kemiskinan masyarakat. Usaha melalui khidmat kebaikan ini penting agar Islam boleh dilihat dari perspektif yang positif oleh masyarakat lain-lain agama.

2.11.5 Kesimpulan

IR telah bergerak sebagai sebuah badan yang prihatin terhadap masalah kemanusiaan sejagat yang ditimpa pelbagai musibah sama ada akibat perang, bencana alam ataupun kemiskinan. Keprihatinan IR dalam membantu

¹⁴⁴Uzama Mukhtar, IR Donation Co-Ordinator, temubual, 27 Mei 2002.

¹⁴⁵Partnership. Spring 2002. *op.cit.*, h.9. Lihat juga buku *Target 2015*. London: DFID.

mengurangkan penderitaan yang dihadapi manusia terbukti melalui kempen-kempen yang dilancarkan serta peruntukan wang yang dihantar ke luar negara. Langkah dan usaha ini sememangnya memerlukan komitmen dan pengorbanan yang tinggi serta dilakukan secara terancang dan berterusan.

2.12 The Muslim Parliament (MP)

2.12.1 Pendahuluan

Muslim Parliament diasaskan pada tahun 1992¹⁴⁶. Orang terpenting di sebalik penubuhan MP ialah Dr.Kalim Siddiqui. Ia dilancarkan pada 4 Januari 1992 di Kengsinton Town Hall, London¹⁴⁷. Ahli kepada MP dikenali sebagai Muslim Members of the Parliament atau ringkasnya MMP. Latarbelakang penubuhan, objektif dan program MP adalah seperti berikut:

2.12.2 Latar belakang Penubuhan

Muslim Parliament wujud hasil reaksi terhadap beberapa isu yang membabitkan umat Islam terutamanya isu buku bertajuk *Satanic Verses*. Tokoh terpenting di sebalik kewujudan MP ialah Dr.Kalim Siddiqui (1931-1986)¹⁴⁸. Isu ini telah mendorong dan mencetuskan inspirasi kepada MP untuk memberi respon dan membela Islam dan umat Islam. Sehubungan dengan itu, beliau berpandangan

¹⁴⁶Zafar Bangash (ed) (1996), *Major Writings of Kalim Siddiqui*. London: The Muslim Institute & The Open Press. h.13.

¹⁴⁷Manazir Ahsan (1994). Islam and Muslims in Britain. dalam Hussin Mutalib et.al (ed), *Islam, Muslims and The Modern State*. London:Macmillan Press Ltd., h.351.

¹⁴⁸Zafar Bangash (ed) (1996). *op.cit.*, h.13.

bahawa perjuangan membela masyarakat Islam mestiah melalui gerak kerja secara berorganisasi. Cadangan asalnya ialah *Council of British Muslim* bukan *The Muslim Parliament* seperti yang dikenali hari ini¹⁴⁹.

Nama Muslim Parliament timbul hasil provokasi pihak media terhadap Dr.Kalim Siddiqui, pengasas kepada Muslim Parliament. Media-media di Britain dalam liputan mereka memberi gelaran *Muslim Parliament* kepada *Council of British Muslim*. Dr.Siddiqui memberi reaksi terhadap gelaran media tersebut dengan menyatakan: "...(and) we have gratefully accepted the name"¹⁵⁰. Sejak daripada itu, organisasi ini dikenali dengan nama 'The Muslim Parliament'.

2.12.3 Objektif Penubuhan

Komuniti Muslim di Britain menghadapi masalah dalam pendidikan dan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, kedudukan mereka perlu dipertingkatkan. Hak-hak orang Islam perlu diperjuangkan. Untuk mencapai matlamat ini, umat Islam menurut Dr.Ghiasuddin Siddiqui, Presiden The Muslim Parliament perlu bergerak mengikut platform politik. Sehubungan dengan itu, beliau berpandangan, Muslim Parliament adalah platform bebas yang dapat mewakili umat Islam ke arah mencapai status yang lebih baik dalam konteks masyarakat British¹⁵¹. Matlamat yang disebutkan oleh Dr.Ghiasuddin ini tertera dalam manifesto yang telah dirangka Dr.Kalim Siddiqui yang menyatakan bahawa objektifnya ialah menukuhan :

¹⁴⁹ *Impact International*, 10 Januari 1992, h.6.

¹⁵⁰ *Impact International*, 10 Januari – 12 Mac 1992, h.6.

¹⁵¹ Ghiasuddin Siddiqui, Presiden MP, temubual, 5 Julai 2000..

"a body that can speak with authority on behalf (of Muslims) and operates like a parliament"¹⁵².

Menurut Siddiqui lagi, seperti yang dinyatakan di dalam Crescent MP juga bermatlamat mengerah potensi dan segala keupayaan generasi muda di Britain untuk kepentingan Islam¹⁵³.

Menurut Gilles Keppel, matlamat MP boleh dicapai dengan¹⁵⁴:

1. Mencari jalan membebaskan orang-orang Islam daripada konsep demokrasi Barat dan lain-lain doktrin liberal.
2. Memupuk revolusi berdasarkan Islam dari cara berfikir dan berpolitik.

2.12.4 Perlaksanaan Program

Berdasarkan matlamat yang digariskan, Muslim Parliament bergerak bagi merealisasikannya melalui agenda atau aktiviti yang dirangka. Aktiviti Muslim Parliament lebih tertumpu kepada isu-isu semasa yang berbangkit dan berkaitan umat Islam. Aktiviti atau program yang dilaksanakan antaranya ialah:

- 1) membincangkan masalah-masalah berkaitan pendidikan orang-orang Islam, daging halal, isu Salman Rushdie dan lain-lain serta menyediakan kertas putih bagi isu-isu utama¹⁵⁵.

¹⁵²Haifa A.Jawad (1995), h.143.

¹⁵³Kalim Siddiqui, Crescent, 16-29 Februari 1992.

¹⁵⁴Gilles Keppel (1995), *loc.cit.*

¹⁵⁵Manazir (1994), *loc.cit.*

- 2) Memberi pandangan berhubung isu-isu Islam. MP mengambil beberapa langkah berhubung perkara ini. Antaranya menerbitkan artikel tentang *Islamophobia*. Artikel bertajuk *Islamophobia: The Oldest Hatred* memaparkan latarbelakang orang-orang Islam dari segi sejarah yang digambarkan penulis-penulis Barat. Serangan dilakukan oleh penulis-penulis Barat terhadap institusi moral dan sosial Islam¹⁵⁶.
- 3) Mengadakan seminar dan konferen. Contohnya konferen bertemakan *Political Dimensions of the Sirah of The Prophet* (s.a.w), pada bulan Oktober 1999. Konferen ini asalnya adalah sebuah kertas kerja yang disediakan oleh Dr.Kalim Siddiqui yang bertajuk *Political Dimension of the Sirah*. Seminar yang bertemakan Sirah Rasul ini penting dan kefahaman terhadapnya (sirah). Menurut Badlihisham Mohd.Nasir yang mengulas kertas Dr.Kalim tersebut merupakan kunci revolusi keintelektualan yang mampu menjana umat Islam mengulangi kegembilangan sejarah Islam¹⁵⁷.
- 4) Menerbitkan buku dan buletin. Penerbitan yang diusahakan ini menjadi medan MP menyampaikan maklumat tentang Islam dan MP sendiri kepada orang ramai. Antaranya usaha penerbitan yang dilakukan ialah buletin *Majlis Al-Shura, The Muslim Manifesto* (1990) dan *The Muslim Parliament: Political Innovation and Adaptation* (1992)¹⁵⁸.
- 5) Berusaha membina keharmonian masyarakat. Sehubungan dengan itu, MP telah menghantar satu pasukan penyelidik ke Oldham di antara April hingga

¹⁵⁶Buletin *Majlis Al-Shura*, Vol.1, Issue 5, Disember 1997, h.1-5.

¹⁵⁷Badlihisham Mohd Nasir, "Sirah Nabawi Menurut Dr.Kalim Siddiqui: Suatu Pengenalan", dalam Jurnal *Tasawwur Islam*, Jil.7, 2001/2002.

¹⁵⁸*Ibid.*

Jun 2001 untuk mengetahui punca berlaku rusuhan kaum di kawasan tersebut dan seterusnya mencari formula mewujudkan hubungan baik antara masyarakat Islam dan Non-Muslim khususnya masyarakat berkulit putih¹⁵⁹.

Menurut Dr.Ghiasuddin Siddiqui, perjuangan MP adalah untuk memenuhi hak dan keperluan orang-orang Islam yang dianggap beliau tidak dilayan secara adil oleh kerajaan Britain. Sehubungan dengan itu, MP bergerak melalui agenda politik yang dianggap mereka sebagai saluran atau alternatif terbaik mencapai status yang lebih baik bagi orang-orang Islam¹⁶⁰.

Berdasarkan asas ini, Parliament telah menjalankan kempen-kempen dan usaha-usaha melaksanakan agenda tersebut. Dalam melaksanakan agenda ini, Dr.Siddiqui pernah menegaskan bahawa orang-orang Islam di Britain akan menentang sebarang dasar awam atau perundungan yang bercanggah dengan kepentingan mereka¹⁶¹. Atas dasar tersebut, MP bertindak sebagai penaung yang mewakili dan melobi bagi pihak orang-orang Islam dalam isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan mereka.

Penubuhan MP telah banyak mencetuskan kontroversi. Penubuhan MP ini telah mengundang kritikan daipada komuniti dan organisasi Islam. Nama Muslim Parliament itu sendiri telah dikritik kerana dikatakan telah mewujudkan parlimen dalam parlimen. Hal ini juga dianggap telah menambahkan lagi persepsi negatif

¹⁵⁹ Ghayasuddin Siddiqui. *Impact International*, Vol.31, no.7, Julai 2001, h.22.

¹⁶⁰ Ghayasuddin, temubual, *op.cit.*

¹⁶¹ Haifa A.Jawad (1995), *loc.cit.*

Non-Muslim terhadap Islam¹⁶². Pendekatan MP dikatakan tidak sesuai dalam konteks negara Britain di mana masyarakat Islam adalah minoriti.

Namun demikian, sumbangan MP dalam mencetuskan kesedaran Islam tidaklah boleh dinafikan begitu sahaja. Contohnya, konferen tentang Sirah Rasul yang bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat Islam supaya melihat sirah perjuangan Rasulullah sebagai *impetus* kepada kesedaran dan kebangkitan umat Islam dalam mengembalikan kegembilan mereka.

2.12.5 Kesimpulan

Berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dapatlah dikatakan bahawa MP hanya menumpukan kepada isu-isu bersifat semasa dan kontemporari yang melibatkan masyarakat Islam. Contohnya isu Salman Rushdie. Tidak banyak isu-isu lain yang diperjuangkan MP berhubung kepentingan masyarakat Islam bagi jangka masa panjang. Ini mungkin kerana nature organisasi MP yang lebih cenderung kepada pendekatan politik dalam memperjuangkan hak dan isu-isu berkaitan masyarakat Islam di Britain.

2.13 Muslim Council of Britain (MCB)

2.13.1 Pendahuluan

MCB ditubuhkan pada 23 November 1997. Ia adalah sebuah organisasi bersifat nasional. Jesica Jacobson berpendapat bahawa organisasi yang bergerak di

¹⁶²Manazir (1994), *loc.cit.*

peringkat nasional adalah perlu dalam rangka menyelaras dan memajukan aktiviti-aktiviti orang-orang Islam serta boleh menjadi badan yang bertanggung jawab terhadap seluruh komuniti Islam di Britain¹⁶³. Sehubungan dengan itu, penubuhan MCB dilihat sebagai satu usaha menyatu semua lapisan masyarakat Islam yang berbagai bangsa¹⁶⁴. Latarbelakang, objektif dan program MCB adalah seperti berikut:

2.13.2 Latarbelakang Penubuhan MCB

Sebelum MCB telah ada organisasi bersifat payung bagi masyarakat Islam di Britain iaitu Union of Muslim Organisations (UMO) yang ditubuhkan pada tahun 1970¹⁶⁵. Namun demikian, UMO tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada masyarakat Islam di Britain. Ini menyebabkan ia tidak dapat bergerak dengan begitu efektif. Bertitik tolak daripada pengalaman yang dialami UMO tersebut, pemimpin-pemimpin masyarakat Islam merasakan wajar menuju ke sebuah organisasi yang lebih representatif dan dapat mewakili pandangan dan aspirasi seluruh masyarakat Islam dalam sesuatu isu yang timbul.

Penubuhan MCB adalah reaksi kepada keperluan tersebut. Perhimpunan organisasi-organisasi dan institusi-institusi Islam di peringkat kebangsaan pada 30 April 1994 di Birmingham telah berjaya menghasilkan sebuah kertas kerja bertajuk

¹⁶³Jessica Jacobson (1998), *Islam in Transition*. London: Routledge, h.35.

¹⁶⁴Haifa A.Jawad (1998). "Islamic Extremism and Its Impact on Western Images of Islam", dalam Jorgen S.Nielsen & A.Khasawihah. *Arabs and The West: Mutual Images* (ed). Amman: Jordan University Press, h.51.

¹⁶⁵Ibid.



Towards an Islamic Consensus on National Affairs. Kertas kerja ini sebenarnya menjadi asas kepada pembentukan sebuah jawatan kuasa bebas *National Interim Committee on Muslim Affairs* (NICMU). Di bawah jawatan kuasa ini dibentuk kumpulan kecil (sub-group) yang berperanan mendapat pandangan pemimpin-pemimpin institusi dan organisasi Islam dari pelbagai peringkat di seluruh negara¹⁶⁶.

Berdasarkan tinjauan, pandangan dan laporan yang diperolehi, jawatan kuasa kecil tersebut diminta menyerahkan cadangan khusus bagi pembentukan sebuah badan perwakilan kebangsaan. Mesyuarat NICMU pada 13 Januari 1996 telah membentangkan laporan terakhir tinjauan serta membentangkan juga perlembagaan kerja (working constitution). Mesyuarat NICMU yang terakhir di Bradford pada 25 May 1996 adalah merupakan sejarah kepada MCB. Nama 'Muslim Council of Britain' telah dipilih daripada beberapa cadangan. Jawatankuasa Persediaan juga telah dibentuk pada mesyuarat tersebut. Jawatankuasa ini bertugas menghebah dan menjemput pertubuhan-pertubuhan Islam di Britain agar bergabung di bawah MCB serta membuat persedian untuk pelancaran rasmi MCB. Pertubuhan ini dirasmikan penubuhannya di London pada 23 November 1997¹⁶⁷.

¹⁶⁶ *The Common Good*, vol.1, Issue 1, Mac 1999, h.2.

¹⁶⁷ *Ibid.*

2.12.3 Objektif Penubuhan

Objektif MCB seperti yang termaktub dalam perlumbagaannya adalah untuk¹⁶⁸:

1. Memupuk kerjasama, persefahaman, persetujuan dan kesatuan berhubung hal-ehwal komuniti Islam di Britain
2. Menggalak dan mengukuhkan usaha-usaha yang telah sedia ada untuk kepentingan masyarakat Islam
3. Bekerja ke arah meninggikan imej Islam dan umat Islam dalam konteks masyarakat yang lebih global
4. Mengukuhkan kedudukan komuniti Muslim dalam lingkungan masyarakat Britain, iaitu berhubung soal-soal keadilan dan hak-hak yang sepatutnya dinikmati oleh mereka
5. Bekerja untuk menghapuskan kekurangan dan sebarang bentuk diskriminasi yang dihadapi oleh orang-orang Islam
6. Memelihara hubungan kemasyarakatan yang lebih baik dan bekerja mewujudkan masyarakat yang baik secara keseluruhannya.

Objektif ini adalah selaras moto dan falsafahnya MCB yang berasaskan kepada semangat al-Qur'an yang menyarankan supaya umat Islam hendaklah bekerja ke arah mewujudkan amar makruf, nahi mungkar (Surah al-Imran(3):110), perpaduan dan kesatuan (Surah al-Imran(3):103), kerjasama serta memupuk nilai-nilai kebaikan, kebijakan serta taqwa (Surah al-Ma'idah (5):2). Sehubungan

¹⁶⁸ *The Muslim Council of Britain Constitution*, h.7.

dengan itu, segala program dan aktiviti yang dirancang oleh MCB adalah berdasarkan objektif yang digariskan.

2.13.4 Program yang dilaksanakan

Sebagai sebuah organisasi yang dianggap mewakili umat Islam di Britain, banyak program dan agenda dilaksanakan oleh MCB dalam rangka memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan umat Islam secara khusus dan bekerja untuk kepentingan masyarakat secara umum. Kajian ini mendapati ada beberapa program utama yang dilaksanakan oleh MCB, iaitu:

1) Dakwah Melalui Kebajikan Masyarakat

Islam menggalakkan umatnya melakukan kebaikan dan kebajikan. Aktiviti kebajikan sosial atau khidmat masyarakat adalah termasuk dalam kategori amal soleh (Surah al-Ma''idah (5):2). Berkaitan dengan khidmat sosial selaras dengan objektif penubuhannya mewujudkan masyarakat yang baik, MCB telah mengambil beberapa inisiatif ke arah tersebut. Fokus kebajikan MCB nampaknya lebih tertumpu kepada menjaga kebajikan dan kepentingan masyarakat Islam. MCB mengambil beberapa tindakan ke arah itu:

1. Telah meminta pihak kerajaan agar melantik imam-imam di hospital-hospital serta mendesak kerajaan menyediakan peruntukan bagi melatih imam-imam. Bersama-sama dengan Iqra' Trust dan London Islamic Cultural Centre, MCB telah memohon agar pihak kerajaan melantik/mengadakan penasihat Muslim di penjara-penjara. Usaha ini

dilakukan bagi memenuhi keperluan banduan Muslim terutamanya berkaitan soal-soal perlaksanaan upacara keagamaan.

Menurut *Newsletter The Common Good*, Vol.1, Issue 1, March, 1999 yang diterbitkan oleh MCB, hasil rundingan antara wakil MCB, Iqra' Tust dan London Islamic Cultural Centre dengan pihak Kementerian Dalam Negeri (Home Office). pihak kerajaan telah bersetuju mewujud dan membiayai jawatan Penasihat Muslim di penjara. Persetujuan kerajaan tersebut menunjukkan kejayaan MCB memperjuangkan hak-hak berkaitan umat Islam.

2. Melalui *Jawatankuasa Hal-Ehwal Masyarakat* (The Community Affairs Committee), MCB telah menghantar wakilnya untuk mengadakan rundingan berhubung dengan bedah siasat (post-mortem). Dalam pertemuan dengan pihak Jabatan Coroner (Coroner's Office) MCB menyatakan pandangannya serta mengesyorkan supaya diadakan garispanduan berhubung bedah siasat yang melibatkan orang Islam dengan mengambil kira sensitiviti mereka. Mayat orang Islam, menurut MCB perlu dikebumikan segera kecuali jika keadaan tertentu yang memerlukan bedah siasat seperti kes-kes yang ada kaitan dengan jenayah¹⁶⁹.
3. Pertemuan dengan pihak-pihak berkuasa tempatan agar menyediakan ruang pengkebumian (kubur) orang-orang Islam adalah antara agenda yang turut dilaksanakan MCB. Ia adalah isu yang melibatkan soal keagamaan orang Islam yang menurut MCB adalah menjadi tanggung

¹⁶⁹The Muslim Council MCB Annual Report, 1999, h.20.

jawab pihak-pihak berkuasa tempatan secara sah di sisi undang-undang agar menyediakan ruang atau kawasan pengebumian bagi masyarakat Islam¹⁷⁰.

4. Lain-lain isu berkaitan dengan khidmat masyarakat untuk komuniti Islam ialah berkaitan dengan perkhidmatan tentera. MCB mengadakan rundingan dengan pihak kerajaan agar menyediakan kemudahan dan ruang untuk tentera Muslim melaksanakan tuntutan agama mereka. Isu-isu berhubung pelajar-pelajar Muslim di institusi-institusi pengajian tinggi juga diperjuangkan. Antara perkara yang dibangkitkan ialah keperluan tempat sembahyang, penempatan satu jantina (asrama), masalah makanan halal dan jadual waktu peperiksaan supaya dapat mengelakkan perayaan-perayaan utama membabitkan umat Islam¹⁷¹. Melalui rundingan ini, MCB misalnya telah berhasil dalam tuntutan mereka kepada University College London (UCL) agar menyediakan tempat khusus kepada pelajar universiti tersebut untuk menunaikan solat¹⁷².

2) Dakwah Melalui Media

Media penting dalam penyebaran maklumat serta pembinaan masyarakat bermaklumat. Namun demikian media juga berperanan menimbulkan implikasi negatif terhadap masyarakat. Menyedari situasi kedua ini, MCB mengorak langkah melibatkan diri dengan pihak media, sama ada mengadakan rundingan dengan

¹⁷⁰*The Common Good*, Vol.1, Issue 1, 1999, h.6.

¹⁷¹*The Muslim Council of Britain Annual Report, op.cit.*, h.21.

¹⁷²*The Common Good* (2001), Vol.1, Issue 4, h.4.

mereka (media), berbincang serta mengadakan kursus-kursus, bengkel ataupun seminar berkaitan dengan media. Usaha-usaha ini dilaksanakan agar imej Islam sebagai agama sejahtera dan sederhana dapat ditonjolkan tidak sebagaimana dipaparkan media. Peranan MCB dalam bidang media dapat dilihat kepada usaha-usaha berikut:

1. Melalui Jawatankuasa Media (The Media Committee), MCB mengambil inisiatif berjumpa dengan semua ketua pengarang dan ketua pemberita bagi akhbar-akhbar utama atau organisasi utama media seperti The Independent, The Times, TV, Radio 4 dan lain-lain¹⁷³ dengan tujuan memberitahu mereka tentang cara laporan atau liputan agar mengambil kira sensitiviti umat Islam¹⁷⁴. Ia juga bermotif membina hubungan baik dengan para wartawan. Cara ini pada pandangan MCB akan menjadi satu saluran yang berkesan agar perubahan yang efektif dapat dilakukan pihak media dalam membuat liputan berita mengenai Islam dan umat Islam¹⁷⁵.
2. Keperihatinan MCB terhadap masalah umat Islam terbukti apabila MCB dan pertubuhan-pertubuhan gabungannya mengadakan protes terhadap laporan sebuah akhbar perdana, iaitu *The Express* pada 24 Ogos 1998. Tajuk liputan berita akhbar tersebut *Moslem Plot to Bomb London* disifatkan MCB bersifat provokatif dan boleh menimbulkan suasana tegang dan kemarahan di kalangan orang-orang Islam.

¹⁷³ *The Common Good* (2002). Vol.2, Issue 1, h.4.

¹⁷⁴ *Ibid.*, h.23.

¹⁷⁵ *The Common Good*, *op.cit.*, h.4.

Bantahan terhadap laporan tersebut telah dikemukakan kepada editor *The Express*, Rosie Boycott¹⁷⁶.

Bantahan dan protes MCB terhadap laporan muka depan akhbar tersebut telah mendatangkan hasil yang positif di mana pada hari berikutnya akhbar tersebut memohon maaf secara terbuka di atas laporan yang telah dilakukan¹⁷⁷.

3. Selain daripada tindakan tersebut, kursus-kursus, latihan, seminar dan bengkel mengenai media juga diadakan. Antaranya ialah *Media Training Weekend* telah diadakan di Markfield Conference Centre pada 10-11 Oktober 1998 dengan motif mendedahkan teknik atau kaedah praktikal bagi orang yang terlibat dengan media sama ada sebagai ahli panel forum di television, menulis surat kepada editor dan lain-lain¹⁷⁸.
4. MCB juga mengambil inisiatif menyampaikan pandangan mereka kepada masyarakat melalui penulisan. Dalam Jurnal *The Muslim World League*, Setiausaha Agung MCB, Iqbal Sacranie telah memberi pandangan beliau berkaitan cara liputan media mengenai Islam yang berat sebelah. Keadaan ini menurut beliau akan berubah jika media meneliti terlabih dahulu kesahihan sesuatu fakta sebelum memberi ulasan atau pandangan¹⁷⁹.

¹⁷⁶The Muslim Council Annual Report, *loc.cit.*, h.23.

¹⁷⁷*The Express* dalam kenyataan maaf antara lain menyebut "There is a danger that whole communities, sometimes whole races, are deemed at worst guilty, at best suspicious, because of the (alleged) actions of a few their members. It is wrong to suggest that all Muslims are extremists.... In our headline yesterday on the arrest of several men in London by anti-terrorist police it was not our intention to cause offence to the Muslim community, we're sorry" (*The Express*, 25 Ogos 1998).

¹⁷⁸*Ibid.*, h.24.

¹⁷⁹Iqbal Sacranie (2002), "Images of Islam and Contemporary Media", Jurnal *The Muslim World League*, Vol.30, no.1, h.32-33.

3) Dakwah Melalui Hubungan Dengan Pihak-pihak Berkaitan

MCB telah mengadakan usaha menjalankan hubungan dengan pihak-pihak berkaitan sama ada pihak berkuasa, organisasi atau masyarakat tempatan dan luar negara. Usaha-usaha yang dilaksanakan antaranya ialah:

1. Satu program khusus untuk Perdana Menteri. Tony Blair telah diadakan pada 5 Mei 1999. Program ini telah dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat Islam seperti sarjana, doktor, peguam, ahli-ahli perniagaan, penulis, wartawan, pelajar, belia dan diplomat. Beberapa orang ahli parlimen turut hadir seperti Jack Straw (Menteri Dalam Negeri) dan Sir Paul Condon (Menteri Buruh) di samping wakil-wakil agama Hindu, Kristian, Yahudi dan Sikh. Tony Blair dalam ucapannya menyatakan rasa simpati terhadap nasib orang-orang Islam yang pandangan beliau masih lagi menjadi mangsa diskriminasi meskipun mereka telah memberi sumbangan yang penting terhadap pembangunan dan kemakmuran Britain¹⁸⁰.
2. Mengadakan program makan tengahari bersama Jack Straw. Dalam kesempatan tersebut MCB mengambil kesempatan menimbulkan persoalan diskriminasi agama yang dialami orang-orang Islam di samping menyokong dan mempertahankan cadangan memasukkan persoalan agama dalam bancian penduduk tahun 2001¹⁸¹.

¹⁸⁰*Ibid.*, h.28.

¹⁸¹*Ibid.*

3. Menghantar delegasi bertemu Pesuruhjaya Tinggi Pakistan pada 4 Januari 2002 bagi membincang isu semasa di Pakistan dan ketegangan di antara India dan Pakistan¹⁸².
4. Mengadakan konferen bertema *Building Communities, Building Bridges*. Konferen ini diadakan pada 4 Ogos 2001 di Manchester. Tujuan konferen ini adalah membawa bersama golongan muda dan golongan pakar dan profesional untuk membincangkan langkah-langkah yang praktikal dan memupuk amalan-amalan baik dalam usaha mencegah peristiwa tidak diingini seperti rusuhan kaum di Utara England pada bulan Jun 2001¹⁸³.

4) Dakwah Melalui Perundungan

Perundungan juga adalah antara bidang utama yang menjadi agenda perjuangan MCB. Usaha-usaha yang dilakukan di dalam bidang ini antaranya ialah:

1. Menentang *Homosexuality Bill*. Kerajaan melalui *Homosexuality Bill* bercadang menurunkan kadar umur yang mengizinkan homoseksual daripada 18 tahun kepada usia 16 tahun. Cadangan ini ditentang oleh pertubuhan pelbagai agama serta kalangan ahli Dewan Negara. Mewakili umat Islam dan sebagai sokongan terhadap lain-lain agama dalam menangani persoalan ini, MCB mengambil sikap yang sama iaitu menentang bill tersebut atas alasan menimbulkan masalah moral masyarakat¹⁸⁴.

¹⁸²Common Good (2001), Vol.4, h.1

¹⁸³The Common Good (2001), Vol.1, Issue 4, h.1.

¹⁸⁴Ibid., h.25.

2. MCB juga melobi agar kerajaan memperkenalkan undang-undang yang dapat melindungi mangsa diskriminasi atas dasar agama. Melalui usaha ini MCB berharap, diskriminasi agama dikira tidak sah di sisi undang. Amalan undang-undang Britain kini tidak ada peruntukan yang boleh melindungi orang-orang yang didiskriminasi atas dasar agama. Apa yang ada ialah undang-undang yang melarang diskriminasi perkauman. Namun demikian, undang-undang mengenai perkauman, Akta Perhubungan Kaum 1976 (Race Relations Act) pada pandangan MCB tidak begitu applicable untuk komuniti Muslim di Britain¹⁸⁵. Justeru itu, akta berkaitan soal-soal agama perlu diwujudkan.
3. MCB turut menyokong usaha meminda undang-undang perkahwinan. Urusan perkahwinan agak rigid di bawah undang-undang sedia ada di mana perkahwinan mesti diadakan di dalam bangunan seperti Pejabat Pendaftar atau lain-lain tempat yang diluluskan di antara jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang sahaja. Adalah dicadangkan di bawah undang-undang baru urusan perkahwinan dimudahkan dan boleh diadakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja¹⁸⁶.

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, dapatlah dikatakan bahawa:

1. MCB telah berperanan sebagai organisasi yang mewakili aspirasi masyarakat Islam di Britain melalui pelbagai program yang dilaksanakan.

¹⁸⁵ *The Common Good*, 1999, loc.cit.

¹⁸⁶ *The Common Good* (2001), Vol.1, Issue 4, h.12.

2. MCB telah berjaya mendapat sokongan sebahagian besar organisasi Islam di Britain di mana lebih daripada 300 organisasi Islam telah bergabung di bawah MCB.
3. Kejayaan MCB nampaknya lebih menonjol melalui media. Contohnya bantahan-bantahan terhadap media telah mendapat perhatian.

2.13.5 Kesimpulan

Gabungan organisasi-organisasi yang sedia ada beserta kepelbagaiannya kepakaran individu yang terlibat menganggotai pelbagai jawatankuasa dalam MCB menjadikan organisasi ini dapat bergerak lebih aktif dan efektif. Dengan itu, membolehkan MCB memberikan sumbangan yang lebih bermakna dan berkesan dalam isu-isu sama ada berkaitan umat Islam mahupun untuk kebaikan seluruh masyarakat Britain.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah dikemukakan dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sejarah kelahiran dan perkembangan institusi Islam di Britain adalah ditentukan antara lainnya berdasarkan keperluan sosial, pendidikan, agama dan dakwah. Berdasarkan keperluan-keperluan tersebut, maka institusi Islam telah melaksanakan peranan berdasarkan kapasiti masing-masing.

Di peringkat awal, usaha-usaha lebih ditumpukan kepada menyediakan keperluan dan survival masyarakat Islam, terutamanya dalam membantu soal-soal imigresen, tempat tinggal, menyediakan tempat ibadat dan pekerjaan. Peningkatan jumlah komuniti Islam terutamanya di tahun 60-an telah mendorong kepada

penubuhan lebih banyak institusi Islam bagi menjaga identiti agama dan budaya masyarakat Islam. Untuk itu lahir beberapa institusi yang berusaha menangani hal-hal masyarakat Islam seperti UKIM dan FOSIS. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan oleh institusi Islam seperti mengadakan kelas al-Qur'an untuk kanak-kanak dan orang dewasa, menganjurkan kuliah-kuliah agama, mengadakan usrah dan lain-lain.

Pertumbuhan jumlah institusi Islam yang bermula pada tahun 60-an dan kemudiannya menyaksikan lahirnya pelbagai organisasi dengan pelbagai aliran dan pendekatan. Satu ciri yang agak dominan bagi institusi Islam di Britain ialah ada di antara institusi tersebut diasas dan dikuasai oleh keturunan Indo-Pakistan serta terpengaruh dengan idea-idea Maududi terutamanya idea tentang penubuhan negara Islam¹⁸⁷. UKIM misalnya telah diasaskan oleh imigran Islam berketurunan Pakistan.

Dilihat dari aspek pendekatan dakwah pula, terdapat juga institusi Islam yang dikira telah melaksanakan pendekatan yang dianggap radikal dan kontroversi. Contohnya, penubuhan dan pendekatan yang diambil MP dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan umat Islam telah dianggap tidak praktikal dan dikritik oleh pemimpin-pemimpin dan organisasi-organisasi Islam di Britain. Pendekatan yang radikal seperti ini tidak membantu kepada perkembangan dakwah, sebaliknya boleh menghalang proses penyampaian dakwah kepada non-Muslim.

¹⁸⁷ Lihat perbincangan sebelum ini oleh Nielsen. 1989. *Islamic Communities in Britain*, h.232. Selain UKIM, YM juga dikuasai orang-orang Islam berketurunan Pakistan, iaitu sebanyak 75 peratus (Lihat perbincangan sebelum ini oleh Jessica Jacobson. 1998. *Islam in Transition*, h.36.)

Penubuhan organisasi Islam yang bersifat ‘umbrella’, iaitu MCB selepas U.M.O yang dianggap gagal telah membuka dimensi baru kepada dakwah Islamiah di Britain. Pendekatan yang diambil dengan menyatukan pelbagai organisasi Islam dari pelbagai aliran boleh menjadi satu ‘force’ yang kuat dan mantap khususnya dalam konteks memperjuangkan isu-isu berkaitan masyarakat Islam. Usaha mendekati media dan mewujudkan kebaikan masyarakat secara keseluruhannya pula boleh menjadi satu cara dakwah yang berkesan.

Berasaskan fakta-fakta yang disebutkan ini, dapatlah disimpulkan bahawa institusi Islam di Britain mempunyai kekuatan dan kelemahan tertentu.

2.14 Kekuatan dan Kelemahan Institusi Islam di Britain

Hasil kajian yang dilakukan mendapat terdapat beberapa kelemahan dan kekuatan yang ada pada institusi dakwah di Britain. Berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan berhubung institusi dakwah, kajian ini telah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan institusi dakwah yang dapat dirumuskan seperti berikut :

1) Kekuatan

Kekuatan-kekuatan institusi dakwah di Britain ialah:

1. Adanya kesatuan. Institusi-institusi Islam di Britain sekalipun berbeza latarbelakang, aliran dan pendekatan, namun mereka boleh bersatu dalam isu-isu tertentu yang melibatkan sensitiviti dan kepentingan umat Islam. Contohnya ialah penerbitan dan pengedaran buku Salman Rushdie, *The Satanic Verses* pada tahun 1988. Buku tersebut telah diprotes oleh semua

institusi Islam. Charles Husband dalam tulisannya telah memberi komen yang menyokong fakta ini:

"Indeed it has been said that the only thing to have united Muslim communities within Britain has been the Rushdie affair"¹⁸⁸,

Penubuhan MCB pada tahun 1997 telah membuka dimensi baru kepada kewujudan dan survival masyarakat Islam di Britain. Melalui MCB pelbagai institusi Islam di Britain telah disatukan. Kini lebih daripada 200 badan Islam di Britain dengan pelbagai latarbelakang telah bernaung di bawah MCB. Bersama-sama MCB, institusi Islam bergerak memperjuangkan kepentingan umat Islam secara bersama dan mewujudkan kebaikan kepada seluruh masyarakat secara amnya. Kesatuan ini memperkuatkan lagi suara dan tuntutan umat Islam dalam sesuatu perkara.

2. Keazaman dan komitmen yang tinggi. Institusi Islam di Britain mempunyai komitmen dan keazaman yang tinggi dalam menjalankan kerja-kerja dakwah. Aspek komitmen dan keazaman yang tinggi ini menjadi aset kepada gerakan dakwah di Britain. Sebahagian besar institusi dakwah di Britain walaupun menghadapi masalah kewangan, sumber manusia dan lain-lain masalah tetapi tetap gigih menjalankan kerja-kerja dakwah dan amal. Contohnya, IR yang gigih menganjur program seperti Evening Charity untuk mengumpul dana bagi membantu golongan yang memerlukan.
3. Boleh menyesuaikan diri dengan suasana dan perkembangan semasa. Institusi dakwah kini boleh mengadaptasi dengan suasana dan

¹⁸⁸Charles Husband (1994). "The political Context of Muslim Communities' Participation in British Society", dalam Bernard Lewis & Dominique Schnapper (ed). *Muslims in Europe*. London: Pinter Publishers, h.86. Lihat juga pandangan Manazir Ahsan yang menyokong kenyataan ini (Manazir, h.354).

perkembangan semasa. Kebolehan mengadaptasi dengan tuntutan dan perkembangan semasa ini dilaksanakan antaranya dengan menjalin hubungan dengan agensi kerajaan dan swasta serta melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan masyarakat. Hubungan dan penglibatan ini boleh menjadi saluran yang berkesan dalam menyebar mesej Islam dan memperjuangkan hak-hak umat Islam. Hakikat ini telah diakui oleh Steven Vertovec yang menyatakan bahawa bermula pertengahan tahun-tahun 80-an organisasi-organisasi Islam secara efektif telah menyertai dan melibatkan diri dalam arus perdana masyarakat¹⁸⁹. Nielsen menyokong pandangan Vertovec ini dengan menyebut bahawa organisasi Islam telah mula menjalinkan hubungan dengan lain-lain kumpulan agama, terutama dengan pihak gereja sama ada di peringkat local mahupun di peringkat nasional¹⁹⁰.

4. Kesedaran generasi muda. Peningkatan penyertaan generasi muda di dalam institusi dakwah di akhir-akhir adalah hasil kesedaran mereka terhadap tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Ini membina kekuatan baru bagi institusi Islam secara khususnya dan masyarakat Islam secara amnya. Beberapa institusi Islam seperti IF, UKIM dan YM telah memulakan pendekatan baru yang sesuai dengan latarbelakang dan minat golongan muda. Senario ini telah diulas oleh Jessica Jacobson seperti berikut:

“It seems that for significant members of young British Muslims religion is increasingly important basis for social identity. It appears that there is a small but growing minority of young people who are especially devout- whether this devoutness is expressed in the form of Islamic activism and militancy, or in a

¹⁸⁹ Stven Vertovec (1996). “Muslims, The State, and The Public Sphere in Britain”, dalam Gerd Nonneman et al (ed). *Muslims Communities in the New Europe*. Berkshire: Garnet Publishing Ltd., hal.171.

¹⁹⁰ Nielsen, dalam John L.Esposito, *loc.cit.*

*commitment to a quest for knowledge about Islam, or simply in constant through religious practice*¹⁹¹.

Scenario ini menunjukkan perkembangan yang baik dan penting untuk perkembangan dakwah memandangkan pemuda adalah aset penting kepada dakwah Islamiah dan organisasi dakwah.

2) Kelemahan

Kelemahan-kelemahan institusi Islam yang dapat dikenal pasti ialah:

1. Kurang peka kepada realiti yang berlaku. Sesetengah daripada organisasi Islam kurang peka dan tidak berupaya mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi masyarakat Islam. Nielsen menyokong fakta ini dengan memberi contoh mengenai U.M.O. U.M.O menurut Nielsen gagal mengenal pasti bahawa kebanyakan keputusan dan polisi yang dibuat seharusnya memberi kesan kepada orang Islam dalam kehidupan harian di peringkat lokal, bukannya di peringkat nasional¹⁹². Dalam hal ini, U.M.O nampaknya hanya menumpukan kepada isu-isu di peringkat nasional yang tidak begitu dirasai kesannya oleh masyarakat di peringkat lokal. Sedangkan masalah masyarakat Islam banyak dihadapi di peringkat lokal. Contohnya masalah penyediaan makanan halal di sekolah-sekolah, tempat menunaikan solat dan sebagainya. Perkara-perkara banyak berlaku di peringkat lokal yang perlu diselesaikan oleh organisasi Islam dengan melakukan perundingan dengan pihak berkuasa tempatan.

¹⁹¹ Jessica Jacobson (1998), *Islam in Transition*. London: Routledge, h.33.

¹⁹² Nielsen (1992), *Muslims in Western Europe*. Edinburgh: Edinburgh University Press, h.47. (Perbincangan oleh Nielsen tentang masalah ini telah dibincangkan sebelum ini, iaitu mengenai U.M.O).

2. Batasan Kewangan. Masalah paling ketara dihadapi kebanyakan organisasi Islam di Britain ialah berkaitan dengan kewangan. Kebanyakan institusi Islam tidak kukuh dari segi kewangan. Malah terdapat di antara organisasi ini hanya bergantung kepada derma-derma orang ramai dan bantuan dari pihak luar seperti Muslim College yang mendapat bantuan daripada Islamic Call Society Libya. Keterbatasan kewangan telah memberi kesan kepada program yang dirancang, iaitu sama ada ia melambat atau menghalang perlaksanaan sesuatu aktiviti yang dirancang. Kekurangan kakitangan yang dialami oleh beberapa organisasi seperti MP dan UMO adalah berkaitan dengan keterbatasan kewangan. Oleh kerana terdapat pergantungan kepada bantuan luar, sesetengah organisasi terasa kesannya di mana sesetengah program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan terutama ketika berlakunya krisis ekonomi dan krisis di negara-negara Teluk pada tahun 80-an¹⁹³.
3. Pendekatan dakwah yang tidak realistik. Pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh sesetengah institusi dakwah tidak realistik dengan situasi masyarakat Barat. Pendekatan-pendekatan yang dianggap agak radikal dan ekstrim seperti yang dilaksanakan oleh beberapa institusi Islam tidak memberi kesan yang baik kepada dakwah malah memberi kesan sebaliknya. Muslim Parliament contohnya dianggap tidak realistik dari segi pendekatan dakwahnya dalam konteks masyarakat Barat. Badan ini dan beberapa lagi pertubuhan seperti

¹⁹³Manazir Ahsan (1994), 'Islam and Muslims in Britain', dalam Hussin Mutalib & Taj Ul-Islam Hashmi (ed), *Islam, Muslims and The Modern State*. London: Macmillan Press Ltd., h.345.

gerakan Khilafah atau Hizbu at-Tahrir telah dikritik oleh masyarakat Islam dan didakwa telah memberi imej yang tidak baik kepada Islam itu sendiri¹⁹⁴. Dalam konteks Islam yang dilabel dengan istilah-istilah seperti fundamentalism, militan dan sebagainya, pendekatan MP contohnya tidak sesuai dengan suasana yang ada. Dalam hal ini, nama parlimen pada MP dilihat oleh pemimpin-pemimpin Islam di Britain sebagai mewujudkan parlimen dalam parlimen.

4. Tenaga kerja tidak seimbang dengan beban tugas. Kelemahan lain institusi Islam di Britain ialah kurangnya tenaga kerja berbanding beban kerja yang banyak serta kurangnya kemudahan pejabat yang selesa. Tinjauan mendapat kebanyakan institusi Islam beroperasi di ruang pejabat yang sempit dan kurang memuaskan contohnya Muslim Parliament, MCB dan UKIM¹⁹⁵. Kedua faktor ini mungkin berpunca daripada kekurangan dana bagi mengambil pekerja dan menyediakan kemudahan pejabat yang selesa.
5. Gagal mendapat pengiktirafan dan sokongan. Sesetengah institusi Islam gagal mendapat sokongan dan pengiktirafan sama ada daripada pihak berkuasa mahupun dari pihak masyarakat Islam sendiri. Kegagalan mendapat sokongan dan pengiktirafan ini dianggap berpunca daripada pendekatan yang tidak realistik atau tidak sesuai dengan situasi yang ada. Ahli jawatan kuasa bagi MP contohnya didakwa dipilih secara tangkap muat. Ini telah memberi kesan kepada kredebiliti dan keupayaan institusi tersebut. Sementara U.M.O pula dianggap terlalu bergantung dari segi idea, objektif dan polisi kepada

¹⁹⁴Manazir Ahsan menyimpulkan pandangan beberapa organisasi Islam tentang MP dengan menyatakan "...the Parliament has been seen by Muslim organisations as divisive and ill-advised effort which is likely to get Islam a bad name" (Manazir, *ibid.*, h.352. Lihat juga Jessica Jacobson, *Islam in Transition*, h.41-42).

¹⁹⁵Lihat juga Daniele Jolly, *loc.cit.*

Setiausaha Agungnya Dr.syed Aziz Pasha. Kini U.M.O dianggap sebagai pertubuhan yang *premature* dan *one man show*.

2.15 Kesimpulan

Kewujudan institusi Islam dengan pelbagai latarbelakang dan tujuan tertentu mempunyai kekuatan dan kelemahan tertentu seperti yang telah dibincangkan. Kekuatan dan kelemahan tersebut juga telah meninggalkan kedua-dua kesan, iaitu positif dan negatif. Kesemua institusi tersebut bagaimanapun mempunyai asas dan matlamat yang sama iaitu untuk tujuan dakwah melalui pelbagai kaedah. Ada di antara institusi tersebut dianggap berkesan dalam melaksanakan pendekatan dakwah seperti MCB dan The Islamic Foundation dan ada pula yang dianggap tidak memberi impak yang positif kepada perkembangan dakwah seperti MP dan U.M.O. Bagaimanapun, satu perkara yang dapat dirumuskan ialah kewujudan institusi Islam tersebut telah menyebabkan pelbagai pihak terutama kerajaan dan masyarakat non-muslim merasai kehadiran masyarakat Islam dan arus perdana masyarakat. Malah perjuangan mereka mula diberi perhatian oleh pelbagai pihak.